

BAB IV:

AGAMA DALAM TEORI KEBUDAYAAN

Bab ini membincangkan tentang agama dalam teori kebudayaan Malik Bennabi. Pembahasan dibahagikan kepada dua fasal. Fasal pertama mengkaji tentang definisi dan proses pembentukan kebudayaan. Ia menganalisis definisi kebudayaan, interaksi individu dengan idea dan benda dalam hubungannya dengan kebudayaan, dan agama dan hubung-kaitnya dengan norma-norma kebudayaan. Sementara fasal kedua pula membahaskan tentang peranan agama dalam mencipta kedinamikan kebudayaan. Ia membicarakan tentang hubung-kait antara kebudayaan dan kedinamikan, metode pembaharuan kebudayaan, fenomena-fenomena kebudayaan yang tidak dinamik dalam masyarakat, peranan agama sebagai prinsip moral (*al-dustūr al-khuluqī*) dan unsur terpenting kebudayaan, dan peranan agama sebagai pemungkin unsur-unsur penting kebudayaan; estetik (*al-dhawq al-jamālī*), logik kerja (*al-mantiq al-‘amalī*), dan teknologi (*al-ṣinā‘ah*).

FASAL I:

KEBUDAYAAN: DEFINISI DAN PROSES PEMBENTUKAN

A. DEFINISI KEBUDAYAAN

Dalam analisis Malik Bennabi, istilah kebudayaan, sebagai konsep, tidak terdapat dalam khazanah Romawi ataupun Yunani dan juga tidak terdapat dalam khazanah peradaban Islam ketika zaman kegemilangannya. Peradaban Romawi dan kepintaran Yunani tidak dapat mencipta perkataan yang boleh melambang dan menjelaskan setepatnya tentang kebudayaan mereka.¹ Demikian juga dapat dilihat dalam sejarah peradaban Islam, istilah tersebut juga belum pernah digunakan oleh Ibnu Khaldun, yang dianggap sebagai rujukan utama dalam ilmu sosiologi Arab di abad pertengahan. Ia juga belum pernah digunakan baik pada masa pemerintahan kerajaan Umaiyyah maupun Abasiyyah; tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan pemakaian perkataan tersebut baik dalam bahasa sastera maupun dalam bahasa rasmi, walaupun pada masa-masa itu, kebudayaan Arab berada pada kemuncak kemajuannya.² Dari itu, menurut Malik Bennabi “baik pada masa Romawi, Yunani maupun pada zaman peradaban Islam, kebudayaan hanyalah berupa sesuatu yang wujud yang tidak memiliki nama dan belum pernah menjadi suatu konsep

7

¹ Malik Bennabi (1989), *Musykilah al-Thaqāfah*. ‘Abd al-Šabūr Sāhin (terj.). Damsyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 24. Selanjutnya ditulis *al-Thaqāfah*.

² *Ibid.*, h. 20.

pemikiran.³ Menurut Malik Bennabi juga, ketiadaan penggunaan perkataan “kebudayaan” di tengah masyarakat yang sedang maju dari segi kebudayaanya menggambarkan satu pertentangan dalam aspek bahasa dan selain juga menunjukkan fenomena perbezaan antara realiti masyarakat yang berbudaya maju dan tingkatan kesadaran akal mereka terhadap realiti kemajuan tersebut.⁴

Menurut Malik Bennabi, perkataan kebudayaan merupakan istilah baru yang datang dari Eropah dan sekaligus sebagai lambang kepintaran orang-orang Eropah. Istilah ini muncul sebagai salah satu hasil zaman Renaissance di abad keenam belas, iaitu ketika Eropah menyaksikan kebangkitan karya-karya agungnya dalam bidang sastera, seni dan pemikiran. Oleh kerana itu, istilah kebudayaan harus difahami berasaskan psikologi Eropah, khususnya Perancis.⁵ Perkataan kebudayaan (*culture*) yang digunakan oleh orang Eropah berasal dari perkataan ‘*cultuvare*’ yang bererti “pertanian”. Orang Eropah khususnya orang Perancis adalah ‘manusia bumi’ dan peradaban Eropah adalah ‘peradaban pertanian’ yang bererti semua usaha dan pekerjaan seperti bercucuk tanam, menanam dan menuai dan semua usaha yang dapat menghasilkan kebaikan-kebaikan dari bumi memiliki peranan penting dalam psikologi orang Eropah, sekaligus ia turut berperanan penting dalam pembentukan peradaban mereka; kerana pertanianlah dianggap sebagai suatu proses yang dapat menyatukan semua usaha dan pekerjaan tersebut dan yang menentu dan mengatur hasil-hasil bumi.⁶ Sehingga ketika terjadinya perkembangan yang luas dan hasil yang besar dalam aspek pemikiran akibat daripada renaissance di Eropah, orang-orang Perancis

³ *Ibid.*, h. 24.

⁴ *Ibid.*, h. 20.

⁵ *Ibid.*, h. 25-26.

⁶ *Ibid.*, h. 26.

menamakan kejadian tersebut sebagai ‘*culture*’ yang bererti pertanian. Pemakaian perkataan ‘*culture*’ yang secara metafora tersebut kemudian secara tidak sengaja telah mendefinisi dan menangkap realiti masyarakat, sehingga penggunaan suatu perkataan bagi menggambarkan realiti suatu masyarakat, telah menciptakan suatu konsep yang baru iaitu konsep kebudayaan (*culture*). Sejak itu kebudayaan (*culture*) menjadi suatu idea, idea eksperimental; sebagai suatu yang wujud yang dilambangkan dengan nama, dan yang kemudiannya menjadi istilah khusus yang memiliki kekuatan makna setelah ianya tumbuh dan berkembang di dalam bahasa-bahasa Eropah.⁷

Malik Bennabi menyimpulkan adanya dua aliran berbeza dalam mendefinisikan kebudayaan: pertama, aliran Barat yang mengikuti tradisi zaman renaissance, yang melihat secara umum kebudayaan sebagai buah pikiran atau hasil manusia; yang kedua aliran Marxisme, yang melihat kebudayaan sebagai hasil masyarakat.⁸ Di antara contoh definisi kebudayaan menurut aliran Barat adalah definisi yang diberikan oleh E.B. Tylor (1832-1917), bahawa kebudayaan adalah: “Semua bangunan yang terdiri dari ilmu, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat resam masyarakat, dan segala pencapaian manusia sebagai anggota masyarakat.”⁹ Begitu juga definisi yang dikemukakan oleh William Fielding Ogburn (1886-1959)¹⁰ yang membahagikan kebudayaan kepada dua

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*, h. 29.

⁹ E. B. Tylor (1924), *Primitive Culture*. New York: Brentanos, h. 1.

¹⁰ William Fielding Ogburn (1886-1959), pakar sosiologi, statistik dan pendidikan dari Amerika, banyak menkaji tentang metode kuantitatif dan tentang peranan teknologi di dalam organisasi sosial. Karya-karyanya: *Progress and Uniformity in Child Labor Legislation* (1912), *Social Change* (1922), bersama Alexander *The Social Sciences and Their Interrelations* (1927), *Living with Machines* (1933), *Social Characteristics of Cities* (1937), *Technological Trends and National Policy* (1937), *Machines and Tomorrow's World* (1938), Bersama Meyer F. Nimkoff. *Sociology* (1940), *American Society in Wartime* (1943), *The Politics of Atomic Energy* (1946), *The Social*

bahagian yang berbeza, iaitu; kebudayaan material yang mencakupi semua alat-alat dan karya-karya kebendaan, dan kebudayaan adaptasi (*adoptive culture*) yang mencakupi kepercayaan, tradisi, adat istiadat, pemikiran dan bahasa; aspek-aspek yang direfleksikan oleh tingkah laku individu dalam masyarakat.¹¹ Adapun aliran Marxisme secara umum memberikan definisi kebudayaan sebagai: Semua produk yang bersifat kebendaan dan ukuran-ukuran maknawi yang timbul dari kehidupan nyata masyarakat atau ia adalah refleksi dari kehidupan masyarakat, atau yang memiliki hubungan erat dengan kumpulan masyarakat, atau seperti apa yang dikatakan oleh Lenin¹² bahawa kebudayaan dalam masyarakat berkelas adalah untuk kepentingan penguasa dan bagi proletariat (kelas buruh) adalah untuk kepentingan bangsa.¹³

Menurut Malik Bennabi, perbezaan aliran dan tafsiran terhadap kebudayaan adalah kerana perbezaan proses interaksi individu dengan lingkungannya; sesuai dengan lingkungan, persiapan dan perkembangan pemikiran yang dimiliki. Pemikir Barat yang liberal dan kapitalis mengutamakan aspek individu, melihat kebudayaan sebagai masalah manusia sebagai individu, sementara pemikir dari kalangan aliran Marxisme lebih mengutamakan aspek masyarakat dan melihatnya sebagai permasalahan masyarakat. Dengan demikian, definisi-definisi yang diberikan oleh aliran Barat berkaitan erat dengan psikologi, perkembangan, dan sejarah masyarakat Barat, demikian juga definisi-definisi yang

Effects of Aviation (1946). (Terrie M. Rooney *et al.* (1998), *Encyclopedia of World Biography*, j. 11, c. 2. Detroit: Gale Research, h. 480).

¹¹Bennabi (1989), *al-Thaqafah*, h. 31.

¹²Vladimir Ilyich Ulyanov Lenin, (1870-1924), penggerak revolusi, pengasas Bolshevik (yang kemudian menjadi Parti Komunis, memimpin revolusi Bolshevik 1917, dan pengasas negara Soviet. ((Michael D. Harkavy *et al.* (1996), *The New Webster's International Encyclopedia*. Canada: D.S.Max. h. 630).

¹³ Dikutip dari Ali al-Kuraisy (1989), *al-Taghyīr al- Ijtīmā'i 'inda Malik Bennabi*. Kaherah: al-Zahrā' li al-I'lām al-'Arabī, h. 167.

diberikan oleh aliran Marxisme berhubung-kait dengan semangat dan roh ideologi Marxisme.¹⁴ Oleh kerana definisi “kebudayaan” berhubung-kait dengan keadaan psikologi dalam masa tertentu suatu masyarakat, maka menurut Malik Bennabi definisi-definisi aliran Barat atau aliran Marxisme tidak sesuai untuk digunakan di dunia Islam, kerana dunia Islam memiliki psikologi, perkembangan dan keadaan yang berbeza dari dunia Barat mahupun dunia Marxisme. Sebagai penjelasan lanjut, Malik Bennabi mengatakan:

“Kalaup kita umpamakan suatu definisi memiliki syarat yang betul, akan tetapi ia hanya terbatas pada aspek teoritik, ia dalam pandangan kita tidak cukup bagi suatu negeri yang keadaanya secara umum tidak maju; maka ketika seorang Amerika meletakkan persoalan kebudayaan dalam kerangka teoritik, inti kebudayaan Amerika telah dibatasi oleh kondisi-kondisi umum yang merupakan hasil daripada peradaban Barat. Demikin juga ketika seorang Marxis memberikan definisinya, maka inti kebudayaan yang didefinisikan telahpun mengandungi ideologi Marxisme. Adapun ketika kebudayaan didefinisikan secara teoritik untuk suatu negeri yang tidak dapat dikandungi oleh definisi tersebut; baik kerana memiliki warisan sejarah mahupun cara berfikir yang lebih maju, persoalannya akan menjadi rumit dan memerlukan penjelasan.”¹⁵

Atas dasar analisisnya di atas maka menurut Malik Bennabi “sesuai dengan tabiat permasalahan negara-negara Arab dan Islam, kita cenderung menggunakan metode yang lain, iaitu metode yang dapat mendefinisikan sesuatu yang kompleks,”¹⁶ yang “tidak sahaja harus mencakupi aspek teoritik tetapi juga aspek praktikal dan pendidikan.”¹⁷ Maka kebudayaan dengan demikian harus didefinisikan sebagai “Suatu kumpulan sifat-sifat moral dan nilai-nilai kemasyarakatan, yang memberikan pengaruh terhadap individu sejak kelahirannya, dan dengan tanpa dirasakan menjadi perhubungan yang mengikat

¹⁴ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 38.

¹⁵ *Ibid.*, h. 40.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*

tingkahlakunya dengan cara-cara kehidupan di tempat di mana dia dilahirkan.”¹⁸ Definisi ini, menurut Malik Bennabi bersifat menyeluruhan yang mencakup falsafah manusia dan falsafah masyarakat atau elemen-elemen manusia sebagai individu dan elemen-elemen manusia sebagai masyarakat dan yang mengambil kira kepentingan roh dalam proses penyusunan elemen-elemen tersebut ke dalam suatu bangunan, proses yang terjadi ketika suatu peradaban lahir.¹⁹ Definisi ini juga memperhatikan aspek pendidikan dalam kebudayaan, dalam pengertian bahawa ia hanya melihat kebudayaan sebagai fenomena sosial yang hidup dan yang berdiri sendiri dan tidak hanya sebagai warisan yang mati.²⁰

Menurut Malik Bennabi, kebudayaan merupakan isi dan inti dari peradaban. Tidak dapat dibayangkan kewujudan sejarah tanpa dengan kebudayaan. Suatu bangsa yang kehilangan kebudayaannya bererti telah kehilangan sejarah. Kebudayaan dengan kandungan pemikiran keagamaannya, iaitu pemikiran yang mengatur perjuangan manusia sepanjang sejarah sejak zaman Adam, bukanlah suatu ilmu yang dipelajari manusia, tetapi ia merupakan persekitaran yang mengelilingi manusia dan kerangka tempat manusia bergerak. Ia yang memberi makan janin peradaban dan ia adalah tempat di mana semua unsur-unsur masyarakat berperadaban terbentuk, dari tukang besi, seniman, penggembala, dan imam.²¹ Ia adalah juga “semua yang memberikan ciri-ciri khas suatu peradaban dan yang menentukan kedua kutubnya; dari rasionalisme Ibn Khaldun dan spiritualisme al-Ghazzali atau rasionalisme Descartes dan spiritualisme Jane

¹⁸ *Ibid.*, h. 74.

¹⁹ *Ibid.*, h. 73.

²⁰ al-Kuraisy (1989)), *op.cit.*, h. 169.

²¹ Bennabi (1989), *al-Thaqâfah*, h. 76-77.

Dark.”²² “Kebudayaan sebagai persekitaran yang terdiri dari kebiasaan-kebiasaan, tradisi-tradisi, adat istiadat dan cita rasa, atau sebagai persekitaran umum yang membentuk cara kehidupan suatu masyarakat dan tingkah laku individu di dalamnya dengan ciri-cirinya yang khas,”²³ menjadi faktor penting yang menentukan kedinamikan atau kemunduran suatu peradaban; ia menjadi sumber tenaga penggerak individu-individu dalam masyarakat atau justeru menjadi beban dan penyebab kemalasan individu dan masyarakat.

B. KEBUDAYAAN DAN INTERAKSI INDIVIDU DENGAN BENDA DAN IDEA

Individu tumbuh secara fizikal di dalam bi’ah biologis (*biosphere*) yang memberi unsur-unsur penting untuk pertumbuhan sejak kelahirannya, unsur-unsur yang lebur dalam tubuh untuk pertumbuhan individu; pertumbuhan yang terjadi melalui proses penghadaman, pernafasan, peredaran darah dan proses-proses lain yang dikenal dalam Biologi. Jikalau dari aspek biologi proses-proses ini dapat ditafsirkan sebagai gambaran fizikal kehidupan, maka proses-proses yang sama adalah juga merupakan proses perhubungan antara individu dengan persekitaran tempat yang memberikan pertumbuhan kewujudannya secara fizikal, kerana pada dasarnya proses-proses tersebut tidak lain adalah bentuk-bentuk perhubungan individu dengan miliu biologi.²⁴ Selain berhubung-kait dengan miliu biologi

²² *Ibid.*, h. 77.

²³ Malik Bennabi (1991), *Ta’ammulât*, c. 5. Damsyik: Dâr Al-Fikr, h. 143. Juga Malik Bennabi (l.t.), *Hadîth fî al-Binâ’ al-Jâdîd*. Beirut: al-Maktabah al-‘Âsriyah,, h. 70-71. Seterusnya dituliskan *Hadîth*.

²⁴ Bennabi (1989), *al-Thaqâfah*, h. 50.

seorang individu juga bergantung kepada unsur-unsur yang diperlukan bagi pertumbuhan, tidak dalam aspek fizikal, tetapi dalam aspek psikologi. Maka kebudayaan adalah manifestasi fizikal daripada interaksi individu dengan alam tersebut atau alam rohani (*noosphere*) yang memberi pertumbuhan kewujudannya dalam aspek psikologi. Kebudayaan adalah hasil daripada perhubungan individu dengan persekitaran tersebut.²⁵

Menurut Malik Bennabi, seorang individu sejak kelahirannya berada dalam dialog yang berterusan dengan alam idea dan alam benda di mana dia hidup; persekitaran di mana dia tidur dan bangun dan gambar-gambar yang melintasi kehidupannya sehari-hari, adalah merupakan bingkai kebudayaan yang terus mengajaknya berdialog dengan bahasa yang misteri; hiasan yang diletakkan di atas meja tempat dia bekerja, demikian juga warna, sinar, suara, bau, bayang-bayang dan semua yang ada di persekitarannya adalah benda-benda yang hidup, memiliki sesuatu yang menyerupai roh yang mengajaknya berbicara. Proses dialog inilah, yang kemudian dalam saat-saat tertentu dapat memberikan makna yang luar biasa seperti buah epal yang mengungkapkan kepada Isaac Newton (1642-1727) rahsia graviti, atau seperti halnya air mancur di istana Este²⁶ dapat mengilhami Franz Liszt (1811-1886)²⁷ untuk mencipta alunan musik yang mengagumkan, atau seperti unsur-unsur alam yang berupa warna, suara, bau, pergerakan, sinar dan

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Este adalah istana keluarga Lombard, yang berperanan penting dalam sejarah abad pertengahan dan Renaissance Itali. Untuk huraian lebih lanjut sila Rujuk Encyclopedia Britanica Inc. (1990), *op.cit.*, j. 4, c. 15, h. 568.

²⁷ Seorang komposer dan pemain piano masyhur berasal dari Hungaria. Beliau berhijrah ke Paris dan tinggal di Rome selama lapan tahun. Di Rome beliau menulis karya-karyanya yang bernilaiakan keagamaan. Beliau adalah pencipta "bacaan piano" yang dikenal hingga hari ini, beliau juga pencipta "puisi simfoni" dan metode "perpindahan tema" dalam orkestraa. Untuk huraian lebih lanjut sila Rujuk Encyclopedia Britanica Inc. (1990), *op.cit.*, j. 7, c. 15, h. 395.

bayang-bayang yang dapat memberi ilham kepada penyair, penyanyi dan perekabentuk untuk mencipta karya-karya besar mereka.²⁸

Malik Bennabi berpendapat bahawa tidak mudah untuk membezakan antara peranan idea dan peranan benda dalam proses mencipta kebudayaan, lebih-lebih lagi ketika kedua-duanya dalam fasa bergerak, bergerak bersama-sama, sehingga tidak dapat memastikan unsur yang mana satu yang menyebabkan pergerakan tersebut. Malik Bennabi memastikan bahawa “idea” dan “benda” saling berhubung-kait dan saling bantu-membantu dalam proses penciptaan kebudayaan. Peranan idea dan benda dalam proses penciptaan kebudayaan, menurutnya adalah seperti peranan yang dilakukan oleh paksi dan roda; paksi sebagai idea dan roda sebagai benda. Menurutnya, paksi adalah bahagian penggerak akan tetapi ia tidak dapat bergerak terus hingga melampaui titik mati kalau tidak dibantu oleh roda yang memiliki kekuatan yang tersimpan.²⁹ Oleh kerana itu, dalam fasa bergerak, tidak dapat dinafikan benda memiliki peranan dalam proses pembentukan kebudayaan akan tetapi banyak fenomena lain yang menunjukkan bahawa peranan idea lebih besar daripada benda dan wujudnya idea mengawali wujudnya benda. Menurut Malik Bennabi, sejarah negara Jerman membuktikan bahawa ketika negara itu hancur akibat perang dunia kedua dan tidak lagi memiliki alam benda, ia kemudian mampu bangkit kembali dalam masa yang sangat singkat, karena masih memiliki alam idea; roda telah berhenti akan tetapi paksi atau ide terus bergerak. Menurut Malik Bennabi juga, sebagai contoh yang sederhana, bahawa pada bulan Ramadan di pinggiran jalan-jalan kota Kaherah, ramai orang menjual lampu *fawanis* (lampu hias) yang berwarna-warni

²⁸ Bennabi (1989), *al-Thaqdah*, h. 55, 56.

²⁹ Ibid, h. 44.

untuk hiburan anak-anak. Lampu *fawanis* adalah benda yang diwujudkan oleh makna atau idea Ramadan.³⁰ Maka, tidak dapat diketepikan peranan benda dalam mencipta kebudayaan, akan tetapi dalam keadaan apapun idea tidak dapat tunduk terhadap benda, justeru dalam banyak keadaan harus diakui kewujudan idea yang lebih awal daripada kewujudan benda, bahkan menjadi penyebab terhadap kewujudan benda tersebut.

Peranan suatu idea dan benda di dalam proses penciptaan kebudayaan juga berhubung-kait dengan beberapa syarat psikologi masyarakat semasa, kerana menurutnya “idea bukan sumber kebudayaan, atau sebagai unsur penentu terhadap tingkah laku dan bentuk –bentuk tertentu kehidupan, kerana keberkesanannya idea berhubung-kait erat dengan tabiat interaksinya dengan syarat-syarat psikologis dan masa, yang menggambarkan tingkatan peradaban suatu masyarakat.”³¹ Di Eropah, idea “kemajuan”, seumpamanya, memiliki peranan yang besar dalam sejarah abad kesembilan belas, kerana kemunculannya dalam kebudayaan Eropah didukung dengan dua idea lain yang sezaman dengannya iaitu; teori positivisme Auguste Comte dan teori evolusi Darwin.³² Sebaliknya, dalam sejarah Islam, warisan Ibn Khaldun, adalah warisan idea yang pintar, akan tetapi ia tidak dapat berperanan dalam mencipta kemajuan rasional dan sosial pada masanya, kerana warisan tersebut pada masa itu merupakan idea yang tidak memiliki hubungan langsung dengan kondisi masyarakat yang ada.³³ Demikian juga, menurut Malik Bennabi, benda tanpa adanya syarat-syarat psikologi sosial yang mendukung akan kehilangan makna kebudayaannya dan tidak akan mampu mencipta suatu idea.

³⁰ *Ibid.*, h.45.

³¹ *Ibid.*, h. 47.

³² *Ibid.*, h. 46.

³³ *Ibid.*, h. 47.

Buah epal yang jatuh di atas kepala Isaac Newton telah memberinya idea tentang graviti, tetapi ia tidak memberi makna sesuatu ketika ianya jatuh di atas kepala datuk Isaac Newton atau di atas kepala orang lain pada zaman-zaman sebelumnya.³⁴

Syarat-syarat psikologi masyarakat menentukan cara-cara individu dalam berinteraksi dengan alam benda dan alam idea, sementara itu cara-cara individu dalam berinteraksi dengan benda dan idea sangat menentukan nilai kebudayaan benda dan idea tersebut. Proses interaksi yang positif akan menghasilkan kebudayaan yang positif demikian juga sebaliknya proses interaksi yang negatif tidak dapat memberikan nilai kebudayaan yang tinggi. Menurut Malik Bennabi, proses interaksi yang positif dapat dilakukan dengan memberikan 'perhatian yang mendalam' dalam proses hubungan biologi antara individu dengan alam benda dan alam idea.³⁵ Kerana tidak adanya 'perhatian yang mendalam' dalam proses hubungan antara individu dengan benda dan idea menjadikan individu tidak dapat menguasai alam benda maupun alam idea dengan baik; dia berjalan di sekitar benda tetapi dia tidak berusaha memahaminya, dia juga mengetahui idea tetapi dia tidak pernah berusaha untuk memperhatikan dan mendalaminya. Isaac Newton dapat mengambil kesimpulan dari buah epal kerana perhatiannya yang tinggi dan mendalam terhadap permasalahan yang berhubung-kait dengan alam benda atau epal, sebaliknya, dalam masyarakat Islam, hingga pada abad kesembilan belas, belum ada seorangpun yang dapat menyimpulkan idea Ibnu Khaldun kerana aktiviti-aktiviti intelektual dan sosial masyarakat Islam selama itu belum berasaskan pada 'perhatian yang mendalam'.³⁶

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*, h. 48.

C. AGAMA DAN NORMA-NORMA PERIBADI KEBUDAYAAN

Persoalan kebudayaan adalah persoalan di luar kesedaran, yang behubung-kait dengan akar dan norma-norma peribadi (*al-maqāyīs al-dhātiyah*). Norma-norma atau ukuran-ukuran peribadi yang digunakan untuk menilai sesuatu, seperti dalam perkataan; “ini indah” dan “ini buruk” atau “ini baik” dan “ini jahat” adalah yang menentukan perilaku sosial secara umum dan yang menentukan sikap seseorang ketika menghadapi persoalan-persoalan sebelum akal ikut masuk berperanan, bahkan ia juga menentukan peranan akal dalam tingkatan tertentu. Norma-norma inilah yang menentukan ciri keperibadian individu dan bangunan masyarakat, atau yang disebut oleh Malik Bennabi sebagai ‘cara hidup’ atau ‘ciri khas kebudayaan’.³⁷ Menurut Malik Bennabi norma-norma peribadi ini diwarisi oleh individu dari masyarakatnya melalui proses di bawah sedar dalam bentuk kepercayaan, tradisi, adat istiadat dan kebiasaan. Individu memilih dan mengambil norma-norma tersebut dari masyarakat yang ada di sekitarnya dengan tanpa melalui proses berfikir sebagai keperluan aspek maknawi seperti dia menghirup oksigen untuk kewujudannya secara biologi.³⁸ Norma-norma peribadi yang berbentuk kepercayaan, tradisi, kebiasaan, dan adat-istiadat yang berkembang dalam suatu masyarakat memiliki hubung kait yang erat dengan agama dan ideologi yang diyakini oleh masyarakat tersebut. Dalam masyarakat Islam semua

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*, h. 54.

³⁸ *Ibid.*

kepercayaan, adat istiadat, tradisi, dan kebiasaan merupakan norma-norma yang bersumberkan dari pada ajaran-ajaran agama Islam.

Kebudayaan lebih bererti teori tentang tingkah laku daripada teori tentang ilmu pengetahuan,³⁹ ia bukan sekadar ilmu yang diperolehi dari bangku sekolah atau dari buku, tetapi ia merupakan persekitaran yang terdiri dari kebiasaan-kebiasaan, cita-rasa, dan berbagai nilai yang mempengaruhi pembentukan keperibadian dan yang menentukan kecenderungan individu dan hubungannya dengan manusia dan benda.⁴⁰ Oleh kerana itu menurut Malik Bennabi setiap kebudayaan memiliki kewujudannya yang tersendiri sesuai dengan perbezaan norma-norma peribadi yang dimiliki atau yang ada dalam masyarakat. Malik Bennabi memberikan contoh tentang perbezaan sikap dan tingkah laku tertentu antara seorang doktor berasal dari Inggeris dan seorang doktor yang Muslim, dan persamaan sikap dan tingkah laku antara seorang doktor dan seorang penggembala yang kedua-duanya berasal dari Inggeris. Menurutnya, perbezaan sikap dan tingkah laku tertentu antara dua orang doktor yang berasal dari dua tempat yang berbeza bukan kerana perbezaan sistem belajar atau persekolahan mereka, tetapi lebih kerana sebab-sebab yang lebih luas. Sementara itu, menurutnya, persamaan tingkah laku dan sikap tertentu antara dua orang yang berlainan pekerjaan; seorang doktor dan seorang penggembala yang berasal dari tempat yang sama, adalah kerana ciri-ciri tertentu kebudayaan yang ada dalam masyarakat mereka; yang menentukan cara-cara kehidupan masyarakat tersebut, sebagaimana juga menentukan bentuk-bentuk tingkah laku individu-individu dalam masyarakat dan

³⁹ Malik Bennabi (1987), *Syurūt al-Nahqah*. 'Abd al-Šabūr Syāhin dan Umar Kāmil Misqāwi (terj.), c. 4. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 88.

⁴⁰ Bennabi (1991), *Ta'mmulāt*, h. 148.

proses interaksi antara mereka. Malik Bennabi juga memberikan contoh yang menarik dari sejarah kebudayaan Islam. Menurutnya, peristiwa yang terjadi antara Khalifah Umar dan seorang badwi dapat merefleksikan keagungan kebudayaan masyarakat Islam di awal-awal kelahirannya. Setelah ditabalkan sebagai khalifah, Umar r.a. berpidato dan mengeluarkan kata-katanya yang terkenal: "Wahai kamu sekalian manusia: barangsiapa di antara kamu melihat kesalahan yang aku lakukan maka luruskanlah ia." Kemudian dijawab oleh seorang badwi yang sederhana dengan kata-katanya: "Demi Allah kalau kami menemukan kesalahan yang engkau lakukan maka kami akan meluruskannya dengan pedang kami."⁴¹ Dialog ini merupakan refleksi yang indah dari cara hidup suatu masyarakat yang memiliki kesatuan dalam fikiran, perasaan dan cita-cita; menyatu dalam bentuk sikap seorang khalifah dan seorang badwi yang sederhana. Demikianlah, perbezaan sikap antara doktor dari Inggeris dan doktor dari dunia Islam kerana mereka memiliki budaya yang berlainan, persamaan sikap antara seorang doktor dan penggembala yang kedua-duanya berasal dari Inggeris adalah kerana mereka memiliki budaya yang sama, sedangkan persamaan sikap dan tingkah laku antara khalifah dan orang badwi, ketika menghadapi masalah moral politik tertentu, adalah kerana kedua-duanya dari kebudayaan yang sama iaitu kebudayaan Islam.

Oleh kerana suatu kebudayaan memiliki tempat dan ciri-ciri khasnya tersendiri sesuai dengan norma-norma peribadi yang digunakan suatu masyarakat dalam menilai sesuatu benda atau pun idea, maka menurut Malik Bennabi:

"Kita dapat memahami bahawa suatu benda [karya kebudayaan] kadang kala mati atau tidak berfungsi kalau ia diputuskan dari lingkungan kebudayaannya, kerana di luar kebudayaanya sendiri

⁴¹ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 51.

bahasa yang dimilikinya tidak dapat difahami, sebagai perumpamaan, sebuah roket mendatangi sebuah planet yang dihuni oleh makhluk-makhluk yang mundur, maka tentunya roket tersebut, yang merupakan benda, kehilangan segala nilainya [tidak berguna] kerana berada di luar budayanya sendiri.”⁴²

Berdasarkan atas pemikiran yang sama, Malik Bennabi juga berpendapat bahawa untuk membangun suatu peradaban tidak dapat membeli atau mengimpor semua barang-barang atau karya-karya peradaban dari luar (Barat) kerana menurutnya; pertama, suatu peradaban hanya dapat menjual barang-barangnya dalam aspek lahiriah atau kerangkanya sahaja dan tidak termasuk aspek roh, pemikiran, dan nilai-nilai keperibadian yang dimiliki barang-barang tersebut,⁴³ yang merupakan aspek-aspek budaya yang tidak dapat disentuh oleh jari-jemari manusia. Kerana itu barang-barang tersebut kehilangan rohnya dan tidak dapat berfungsi dengan baik ketika berada di luar budayanya sendiri; kedua, mengimpor dan menumpuk-numpuk karya peradaban luar selain memerlukan modal yang besar ia juga membawa kepada apa yang disebut oleh Malik Bennabi sebagai ‘peradaban benda’ (*al-haḍārah al-syai’iyyah*) dan sikap suka mengumpulkan (*takdīs*) benda-benda atau barang dari peradaban lain.⁴⁴

Berdasarkan pada konsepnya tentang, perbezaan norma dan nilai yang ada dalam kebudayaan yang berbeza tersebut, Malik Bennabi juga mengusulkan keperluan pengasasan ilmu sosiologi Islam atau ilmu sosiologi khas masyarakat Islam.⁴⁵ Kerana ilmu sosiologi moden yang sedia ada lahir dan berkembang dalam

⁴² *Ibid.*, h. 55.

⁴³ Bennabi (1987), *al-Nahḍah*, h. 47.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 48.

⁴⁵ Malik Bennabi (1972), *Fī Mahabbi al-Ma'rakah Iṛḥāṣāt al-Thaurah*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 35.

masyarakat Barat yang oleh kerananya ia memiliki teori-teori dan konsep-konsep yang berhubung-kait erat dengan fasa perkembangan dan psikologi serta nilai-nilai masyarakat Barat yang sangat berbeza dari masyarakat Islam. Ilmu sosiologi Islam dengan demikian, berperanan untuk mendefinisikan masyarakat Islam dari perspektif agama mereka dan mempelajari fenomena masyarakat Islam sesuai dengan fasa perkembangan dan psikologi serta peradaban mereka.

Malik Bennabi, seterusnya menekankan keperluan membangun peradaban Islam berdasarkan pada kebudayaan dan norma-norma yang bersesuaian dengan ajaran-ajaran Islam, dalam kata-katanya sebagai berikut:

“Suuatu peradaban adalah hasil daripada pemikiran yang hidup dan yang mendorong sebuah masyarakat ketika dalam fasa pra-peradaban untuk memasuki sejarah, di mana kemudian masyarakat tersebut membangun pemikiran-pemikiran mereka berdasarkan pada model asal perdaban mereka, [dengan cara itu] masyarakat tersebut tumbuh dengan akar-akar kebudayaan yang asal dan tulen dengan ciri-ciri yang khas yang membezakan mereka [masyarakat tersebut] dari kebudayaan-kebudayaan atau peradaban-peradaban yang lain.”⁴⁶

Berdasarkan atas pandangan Malik Bennabi di atas, maka setiap peradaban mesti memiliki hubungan dengan masa lampauanya, dan memiliki hubungan dengan warisan kebudayaanya sendiri, dan bahawa usaha mencari dan membangun peradaban yang lebih baik untuk masa hadapan tidak akan berjaya kecuali dengan mengambil kira akar-akar peradaban dan kebudayaan yang dimiliki. Oleh yang sedemikian, menurut pandangan Malik Bennabi, dalam usaha untuk membangun peradaban Islam masa hadapan mestilah berdasarkan pada

⁴⁶ Malik Bennabi (1988), *Musykilât al-Afkâr fî al-‘Âlam al-Islâmi*. Bisam Barkah dan Ahmad Sakbu (terj.), c. 1. Darnsyik, Syria: Dâr al-Fikr, h. 41. Seterusnya ditulis *al-Afkâr*.

budaya-budaya dan norma-norma yang bersumberkan dari Islam yang telah lama wujud dalam kehidupan masyarakat Islam itu sendiri.

FASAL: II

PERANAN AGAMA DALAM MENCIPTAKAN KEDINAMIKAAN KEBUDAYAAN

A. KEBUDAYAAN DAN KEDINAMIKAAN (*AL-FA ḤĀLIYYAH*)

Menurut Malik Bennabi, kedinamikan adalah salah satu ciri khas akal orang Barat, dan bahawa akal orang Barat tunduk pada asas kedinamikan.⁴⁷ Ciri ini dimiliki oleh orang-orang Barat baik di peringkat individu maupun masyarakat yang membentuk segala tingkah laku dan pencapaian-pencapaian mereka dalam sejarah. Prinsip kedinamikan ini diperolehi ketika Barat berusaha meletakkan asas positif kebudayaannya, yang diusahakan oleh Descartes “yang membuka bagi kebudayaan Barat jalan yang objektif, yang dibangun di atas metode eksperimen, yang menjadi sebab langsung kemajuan peradaban Barat secara materialistik”⁴⁸ dan mereka yang datang setelahnya pada awal gerakan kebangkitan peradaban Barat. Menurut Malik Bennabi, kedinamikan masyarakat Barat terletak pada asas-asal kebudayannya yang mengandungi empat unsur penting, iaitu; prinsip moral, estetika, logik kerja, dan ilmu terapan yang sesuai dengan masyarakat masing-

⁴⁷ Malik Bennabi (1981), *al-Fikrah al-Ifriqiyah al-Asiawiyah fī Dau' Mu'tamar Bandung*, 'Abd al-Šabūr Syāhīn (terj.). Damsyik: Dār al-Fikr, h. 19; seterusnya ditulis *al-Ifriqiyah al-Asiawiyah* Lihat juga Malik Bennabi (1988), *al-Širā' al-Fikrī fī al-Bilād al-Mustā'marah*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 105; seterusnya ditulis *al-Širā'*.

⁴⁸ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h.. 71.

massing atau yang disebut oleh Ibnu Khaldun sebagai teknologi (*al-ṣinā‘ah*).⁴⁹ Kedinamikan dalam masyarakat Barat, menurut Malik Bennabi, adalah merupakan suatu kekuatan yang melahirkan keberkesan dan kecekapan masyarakat,⁵⁰ yang dapat menyelesaikan persoalan manusia yang merupakan fenomena khas oleh masyarakat Barat.⁵¹ Kedinamikan bukan sesuatu yang fitrah yang hanya dimiliki orang Barat atau masyarakat Barat, tetapi ia merupakan hasil dari susunan kebudayaan tertentu yang bergerak dalam kerangka sejarah dan berhubung-kait dengan kedudukan suatu masyarakat dalam lingkaran peradaban.

Kemajuan atau kemunduran sebuah peradaban dapat dinilai daripada faktor kedinamikannya yang dapat dilihat dengan jelas dalam fenomena kehidupan sehari-hari. Dilihat dari aspek kedinamikan dan sebaliknya, masyarakat-masyarakat di dunia ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian; yang satu masyarakat-masyarakat yang dinamik dan bertenaga dalam segala tingkah laku dan usaha-usahanya; yang kedua adalah masyarakat-masyarakat yang tidak dinamis dan tidak bersemangat dalam segala aspek kehidupannya. Kedua-dua fenomena yang berbeza tersebut dapat dilihat secara jelas dari sistem jaringan kemasyarakatan dan institusi-institusi kemasyarakatan yang ada dalam kedua-dua peradaban yang dimiliki.⁵² Dengan demikian, terdapat dua model masyarakat yang berbeza, yang satu adalah model masyarakat Barat yang berdisiplin dan dinamis dalam segala aspek kehidupanya dan yang lain adalah model masyarakat yang mundur dan yang tidak bertenaga. Dua macam fenomena ini, menurut Malik

⁴⁹ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 87.

⁵⁰ Bennabi (1988), *al-Afār*, h. 110.

⁵¹ Bennabi (1991) *Ta’ammulāt*, h. 33.

⁵² Louay M. Safi (1984), *the Challenge of Modernity: The Quest for Authenticity in The Arab World*, c. 1. Lanham: University Press of America, h. 161.

Bennabi, kalau dilihat dalam sejarah empat atau lima abad sebelumnya maka yang nampak adalah gambaran yang terbalik; semangat dan kedinamikan berada dalam garis lintang Tanger-Jakarta⁵³ sementara segala kemunduran dan kermalasan berada dalam dunia Barat. Oleh kerana itu kedinamikan adalah masalah yang berhubung-kait dengan fasa peradaban dan bentuk kebudayaan, baik ianya menjadi asas kebangunan peradaban atau justeru sebagai jaringan idea-idea yang mati dan mematikan yang seterusnya mencipta manusia-manusia yang terkeluar dari peradaban, seperti masyarakat selepas Muwahhidun di dunia Islam.⁵⁴

Malik Bennabi berpendapat bahawa mencari dan mengenal pasti “model” dapat menentukan metode kerana ia dapat menjadikan proses pembangunan peradaban sebagai suatu proses yang sedar dan terencana dalam masa tertentu. Usaha membangun sebuah peradaban harus memiliki suatu model yang dapat diikuti. Model dapat menentukan metode, kedua-duanya saling berhubung-kait dan kedua-duanya dapat menciptakan, kecekapan, semangat dan kedinamikan. Dunia Barat memiliki model yang tumbuh bersama-sama dengan zaman renaissance, yang membentuk tradisi-tradisi, dan dengan “descartianism” ia bertambah dinamik dalam sejarah.⁵⁵ Sementara itu, dunia Islam hingga hari ini belum memiliki model yang jelas yang dapat memberi bentuk metodenya, akibatnya kebangkitan tumbuh tanpa arah yang pasti. Malik Bennabi, melihat adanya usaha di dalam dunia Islam untuk memilih Barat sebagai model, tetapi menurutnya usaha tersebut adalah sama dengan ‘meletakkan bajak di hadapan lembu’, dan merupakan sikap suka mengumpulkan karya-karya peradaban Barat; suatu sikap yang tidak dapat

⁵³ Tanger adalah sebuah kota di Maghribi dan Jakarta adalah ibu kota negara Indonesia.

⁵⁴ Bennabi (1991), *Ta’ammulât*, h. 111-i12.

⁵⁵ Bennabi (1981), *al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*, h. 25.

diterima kerana ia membawa karya-karya yang nilai dan budayanya tidak sesuai dengan nilai dan budaya yang tumbuh dan berkembang di dunia Islam.⁵⁶ Dari sini dapat ditegaskan bahawa, dari aspek Sosiologi, kedinamikan budaya ini dilahirkan dari proses penyusunan faktor-faktor asas peradaban; manusia, masa dan tanah, dibawah metode yang berkesan sesuai dengan model yang dipilih oleh suatu masyarakat.

Malik Bennabi ketika membincangkan tentang model dan metode, pada dasarnya, beliau berusaha untuk meterjemahkan kedua-duanya dalam bentuk usaha-usaha kebudayaan dan suatu sistem kehidupan melalui unsur-unsur penting kebudayaan; iaitu idea, akhlak, pekerjaan dan estetika,⁵⁷ kerana kedinamikan menurutnya adalah merupakan metode berfikir atau merupakan “masalah idea dan metode dan bukan masalah alat”⁵⁸ seperti yang dianggap oleh sebahagian masyarakat Islam ketika mereka mencari-cari alat-alat atau benda-benda. Kedinamikan adalah sesuatu yang berhubung-kait erat dengan bentuk-bentuk kebudayaan dengan segala aspeknya; metode, pemikiran dan persekitaran pemikiran yang dapat menambahkan keberkesanan peranan sosial baik untuk individu mahupun masyarakat.⁵⁹ Tidak adanya kedinamikan dalam masyarakat adalah kerana terpisahnya idea-idea dari modelnya dalam alam kebudayaannya yang asli, idea-idea tersebut pada ketika itu menjadi virus-virus yang memindahkan penyakit kemsyarakatan baik yang diwarisinya semasa

⁵⁶ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 40-46. Lihat juga Bennabi (1981), *al-Ifriiqiyah al-Asiawiyyah*, h. 89-90.

⁵⁷ Bennabi (t.t.), *Hadith*. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyah, h. 71-77.

⁵⁸ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 113.

⁵⁹ Bennabi (t.t.), *Hadith*, h. 71-77.

kemunduran ataupun dari idea-idea yang mematikan yang datang dari dunia kebudayaan lain.⁶⁰

B. METODE PEMBAHARUAN NEGATIF DAN POSITIF

Dalam konsepsi Malik Bennabi, kebudayaan harus dilihat dalam perspektif sejarah; sebagai pergerakan yang berterusan.⁶¹ Oleh kerana itu segala, usaha ke arah pembaharuan dan kebangkitan kebudayaan dan peradaban harus memperhatikan dua perkara; perkara yang berkaitan dengan masa lampau, yang penuh dengan kelembapan dan kejatuhan, dan; perkara yang berkaitan dengan asas-asas dan akar-akar perjalanan masa hadapan.⁶² Proses ini menurut Malik Bennabi, harus dilakukan melalui dua macam metode pembaharuan; pertama, metode ‘pembaharuan negatif’ yang dapat melepaskan dari penyakit-penyait masa lampau, dan; kedua, metode ‘pembaharuan positif’ yang dapat mengantarkan kepada masa hadapan yang cerah.⁶³

Metode pembaharuan negatif dan positif, menurut Malik Bennabi dapat dijumpai dalam sejarah kebudayaan Barat dan juga dalam sejarah kelahiran peradaban Islam yang pertama. Dalam sejarah peradaban Barat metode tersebut terjadi ketika Saint Thomas Aquinas (1225-1274) berusaha menjernihkan kebudayaan Barat dengan memberikan kritikan-kritikan yang tajam terhadap Ibnu

⁶⁰ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 158.

⁶¹ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 70.

⁶² *Ibid.*, h. 71.

⁶³ *Ibid.*

Rusyd (1126-1198) dan Saint Augustine (354-430)⁶⁴. Kritikan-kritikan Aquinas tidak lain adalah pembaharuan negatif untuk membersihkan kebudayaan yang beliau lihat sebagai pemikiran Islam atau warisan metafizik gereja Bizantin. Rene Descartes (1596-1650) kemudian datang dengan pembaharuan positif, yang menentukan metode objektif bagi kebudayaan Barat, metode yang berasaskan pada metode eksperimen, yang merupakan sebab langsung kemajuan peradaban moden dan peradaban materialisme.⁶⁵ Demikian juga kelahiran peradaban Islam yang pertama, ia lahir melalui metode pembaharuan dari kedua aspeknya; negatif dan positif. Hanya, peradaban Islam telah datang dengan kedua-dua metode tersebut dalam waktu yang sama, iaitu ketika al-Qur'an menolak semua pemikiran-pemikiran jahiliah yang lembab dan pada masa yang sama ia menggariskan pemikiran Islam yang jernih untuk masa hadapan.⁶⁶

C. FENOMENA-FENOMENA KEBUDAYAAN YANG TIDAK DINAMIK

Berdasarkan atas dua macam metode tersebut di atas, maka menurut Malik Bennabi, dalam usaha untuk membangun kembali kebudayaan dan peradaban Islam, diperlukan usaha untuk membersihkan segala tradisi, kebiasaan dan budaya-budaya lama yang lembab dan yang tidak dinamik yang berkembang dalam masyarakat. Malik Bennabi menemukan dan mengkritik beberapa fenomena kebudayaan yang negatif dan tidak dinamik yang berkembang dalam masyarakat Islam yang diwarisinya selepas Muwahhidun, masa-masa kemunduran, di

⁶⁴ St. Augustine (354-430), ahli falsafah dan teologi Kristian, dilahirkan di Tagaste (di Algeria sekarang), terkenal dengan *The Confessions* dan *The City of God*. (Rooney, et al. (1998), *op.cit.*, j. 1, c. 2, h. 367-368).

⁶⁵ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 71.

⁶⁶ *Ibid.*, h. 72.

antaranya adalah; i) lebih banyak bicara dari perbuatan; ii) anggapan sudah sempurna; iii) sikap mengagung-agungkan masa lalu; iv) wacana perdebatan; v) penilaian aspek kuantiti; vi) romantisme dan; vii) atomisme.

(i) Lebih Banyak Bicara dari Perbuatan

Secara umum intelektual di dunia Islam mahir dalam seni kata-kata, dan bahawa pendidikan tradisional juga bercirikan dengan sastera bahasa yang jauh dari perbuatan.⁶⁷ Ciri ini lebih jelas lagi dalam budaya masyarakat Arab, di mana kekayaan perkataan dalam bahasa Arab telah disalahgunakan, dan yang dengan demikian, menurut Malik Bennabi, bahasa Arab berubah menjadi alat yang imaginatif dan memberi kesan yang negatif dalam aktiviti-aktiviti masyarakat, padahal menurutnya peranan sejarah suatu masyarakat tidak dilihat dari kemahiran berbicara melainkan dengan ketinggian berfikir yang dapat diamalkan dalam kehidupan yang nyata.⁶⁸ Media-media awam dan buku-buku dalam bahasa Arab juga banyak mengagung-agungkan para penguasa dengan menggunakan tajuk-tajuk yang berlebih-lebihan seperti; *al-mujāhid* (pejuang), *al-kārim* (yang sangat baik), *al-ażīm* (yang agung), *al-jalil* (yang besar) dan sebagainya.⁶⁹ Menurut Malik Bennabi, fenomena seorang Syaikh dalam sebuah muktamar menerangkan tentang “Rahmah” dan menghabiskan lebih dari setengah jam hanya untuk mengungkapkan berbagai silsilah atau sanad hadith-hadith Nabi Muhammad

⁶⁷ Jhon Hansen (1976), *al-Tarbiyah wa al-Taqaddum al-Ijtima'i wa al-Iqtisadi li al-Duwal al-Nāriyyah*. Kaherah: Dār Nahdah, h. 347-348, dikutip dari al-Kuraisy (1989)), *op.cit.*, h. 174.

⁶⁸ Bennabi (1971), *al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*, h. 194-195.

⁶⁹ Malik Bennabi (1986), *Wijhah al-Ālam al- Islāmi*: Abd al-Šabūr Syāhīn (terj.), c. 4. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr, h. 58; seterusnya ditulis *Wijhah*.

s.a.w.,⁷⁰ yang berkaitan dengan tajuk tersebut, adalah merupakan refleksi dari psikologi manusia setelah period Muwahhidun iaitu; persetujuan antara pensyarah dan pendengar dalam kejumudan dan ketidakdinamikan, yang menjadikan realiti-realiti yang hidup kepada realiti-realiti yang terpendam dalam perkataan-perkataan yang indah.⁷¹ Menurut Malik Bennabi, sejak masa kejatuhan lagi, penilaian terhadap ketinggian seseorang adalah apabila ianya sebagai “lautan ilmu” tanpa melihat peranan ilmu yang dimilikinya dalam kerangka kehidupan sosial. Menurutnya juga pelajaran-pelajaran tafsir juga menunjukkan budaya yang negatif dengan mengeksploitasi kata-kata dan tidak memberikan perhatian pada hal-hal yang praktikal.⁷² Akibat dari fenomena ini juga, menurut Malik Bennabi, idea-idea yang didapatkan dari buku-buku akhirnya hanya berubah menjadi perkatan-perkataan yang tidak membawa makna. Contohnya, dalam proses pembelajaran, menurut Malik Bennabi, di mana seorang pensyarah ketika menerangkan tentang perubatan dan berusaha menerangkan tentang salah satu tanaman, dia hanya berusaha mencarinya dalam lembaran-lembaran buku, dan tidak berusaha untuk membuka jendela untuk memeriksa salah satu tanaman yang hidup yang dapat digunakan sebagai contoh.⁷³ Fenomena kebudayaan semacam ini menjadikan pemikiran Arab yang juga masyarakat Islam kehilangan makna kedinamikan. Perkosaan terhadap perkataan dan bahasa dapat menjauhkan usaha ke arah kebangkitan. Ketika perkataan hilang dari kandungannya, ia tidak dapat

⁷⁰ *Ibid.*

⁷¹ *Ibid.*, h. 59-60

⁷² *Ibid.*, h. 60.

⁷³ *Ibid.*, h. 106.

membangkitkan semangat dan aktiviti, ia hanya menjadi perkataan yang diucapkan, yang kehilangan kesucian dan idea.⁷⁴

(ii) Anggapan Sudah Sempurna

Menurut Malik Bennabi, fenomena orang Islam yang berpegang pada hukum silogisme bahawa; “Islam adalah agama yang sempurna”, “kita adalah orang Islam”, maka “kita adalah orang yang sempurna,”⁷⁵ menjadikan mereka berkeyakinan tidak perlu lagi untuk bergerak dan berusaha memperbaiki diri, kerana mereka merasakan, bahawa sebagai orang Islam dan hanya dengan mengerjakan Solat lima waktu secara otomatis mereka sudah sempurna. Anggapan bahawa sudah sempurna membawa kepada apa yang dinamakan sebagai “*comfort-zone*”, iaitu persaan sudah puas dengan apa yang dimiliki. Berada dalam “*comfort-zone*” orang Islam tidak pernah berani untuk melangkah yang lebih jauh, mencuba hal yang baru, dan yang dengan demikian mereka tidak akan dapat mencapai kecemerlangan dan kejayaan. Menurut Malik Bennabi, keyakinan pada prinsip bahawa “kita sempurna” menjadikan kebenaran tidak bererti, kerana kebenaran dalam perspektif ini menurutnya tidak dapat menjadi faktor yang dapat mendorong dan mengilhamkan manusia dalam berbagai aktivitinya, tetapi justeru menjadi faktor sosial yang memberi kesan negatif kerana ia tidak lagi cocok dengan perubahan dan perkembangan, sehingga dengan demikian ia menjadi faktor kebekuan individu dan masyarakat, ia tidak dapat menjadi faktor positif tetapi

⁷⁴ Ahmad Talib al-Ibrahimi (1977), “al-Thaqafah ka Mafhum Asāsi li al-Tanmiyah”, *Majalah al-Thaqafah*, Al-Geria: Wizarah al-I'lām wa al-Thaqāfah, Bil. 37 Februari dan Mac, hl. 7. Dikutip dari al-Kuraisy (1989)), *op.cit.*, h. 176.

⁷⁵ Bennabi (1986), *Wijayah*, h. 85.

menjadi faktor kemalasan.⁷⁶ Anggapan bahawa “kita sempurna” secara psikologi dapat menghalang usaha untuk mengubah syarat-syarat kehidupan dan usaha untuk berfikir tentang pembaikan.⁷⁷

(iii) Sikap Mengagung-agungkan Masa Lalu

Termasuk budaya yang negatif yang menghalang kedinamikan masyarakat Islam adalah budaya mengagung-agungkan pencapaian peradaban Islam masa lalu.⁷⁸ Budaya ini munurut Malik Bennabi, dapat memberi berbagai pengaruh psikologis yang negatif;⁷⁹ ia menjadi alat untuk mengelakkan diri dari beban moral dan menjauhkan fiikiran dan hati daripada perasaan tentang realiti yang sebenar, sebagaimana ia juga merupakan suatu sikap apologetik yang pengecut dalam menghadapi kekurangan dan ketidakmampuan. Menurut Malik Bennabi, ketika suatu kebudayaan mengarah ke arah masa lampau ia menjadi kebudayaan peninggalan atau warisan, karya-karya pemikiran dalam budaya tersebut tidak menuju kehadapan melainkan mundur ke belakang, dan ini yang dalam proses pendidikan dan pengajaran melahirkan pelajar-pelajar yang tidak bersesuaian dengan tuntutan-tuntutan semasa dan masa hadapan.⁸⁰ Kebudayaan yang kuat tidak hanya dengan sikap mengagungkan masa lampau, melainkan kebudayaan yang dapat membawa individu dan masyarakat kepada masa hadapan dengan segala tuntutan-tuntutannya. Sikap mengagung-agungkan ini hanya menggambarkan

⁷⁶ *Ibid.*, h. 86.

⁷⁷ *Ibid.*, h.85-86.

⁷⁸ *Ibid.*, h. 60.

⁷⁹ MaliK Bennabi (1970), *Intâj al-Musytasyrikîn wa Atharuh fî al-Fîkr al-Islâmi al-Hâdiith*. Kherah: Maktabah Ammâr, h. 17; Seterusnya ditulis *Intâj al-Musytasyrikîn*.

⁸⁰ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 60.

tentang masyarakat yang sakit dan yang melarikan dari kenyataan untuk menutupi kelemahannya. Sebagai contoh menurut Malik Bennabi, "ketika kita menghadapi masalah optthalmia (penyakit mata), yang banyak merugikan dunia Islam, maka kita tidak dapat menyelesaikannya hanya dengan mengatakan bahawa perubatan optthalmia adalah penemuan sarjana Muslim iaitu Ibnu al-Muhsin pada abad ketiga belas, jawapan kita terhadap fenomena semasa dengan menggunakan kenyataan masa lalu tanpa sengaja, secara psikologi, menjadikan kita berasa mustahil untuk menyelesaikan masalah tersebut."⁸¹ Maka menurut Malik Bennabi, kebenaran atau realiti sebenar adalah penunjuk ke arah kemajuan sementara sikap membanggakan masa lalu dan memuji diri adalah suatu pengkhianatan terhadap kebenaran, dan melaluiinya terjadi pengkhianatan sejarah itu sendiri.⁸²

(iv) Wacana Perdebatan.

Kecenderungan berdebat merupakan sebahagian dari ciri kebudayaan masyarakat selepas Muwahhidun dan masih tetap menjadi fenomena umum dalam sastera dan karya ilmiah semasa. Perdebatan yang tidak mencari kebenaran tetapi mencari alasan, tidak untuk mendengarkan hujah lawan melainkan untuk dapat terus berbicara,⁸³ dan perdebatan yang tidak banyak memberi apa-apa faedah selain menjadikan masyarakat pandai dalam mencari-cari berbagai-bagai alasan bagi mempertahankan diri, tanpa dengan usaha mencari syarat-syarat objektif

⁸¹ Bennabi (1981), *al-Ifriiqiyah al-Asiawiyyah*, h. 308.

⁸² Bennabi (1986), *Wijayah*, h. 20.

⁸³ *Ibid*, h. 58.

yang dapat membawa kepada perubahan.⁸⁴ Dalam pengamatan Malik Bennabi, al-Afghani dalam pelbagai usahanya dalam mempertahankan Islam, meskipun ada positifnya, tetapi ia terperangkap dalam sikap mempertahankan dan memberi alasan, seperti dalam tulisan-tulisannya menentang “materislisme”, demikian juga al-Kawakibi dalam karyanya *Um al-Qurā*, merupakan usaha mempertahankan negara-negara Islam tanpa dengan perancangan yang bersifat kemasyarakatan, demikian juga Ahamad Riḍa dalam bukunya *La Faillite morale de la politique occidentale en orient*, Muhammad Abduh dalam bantahan-bantahannya melawan Joseph Ernest Renan dan juga Syakib Arselan dalam berbagai-bagai tulisannya. Mereka semua, menurut Malik Bennabi meletakkan karya-karya yang hanya memberi justifikasi dan berbagai macam alasan, yang justeru menghalang usaha yang terencana bagi membentuk perubahan sosial dalam proses pembangunan kebudayaan.⁸⁵ Berbeza dengan karya-karya para tokoh di Barat dan di dunia Marxisme, menurut Malik Bennabi, karya-karya Luther, Calvin dan Descartes pada zaman reformasi kebudayaan telah membawa Barat ke arah kemajuan,⁸⁶ demikian juga karya-karya Marx, Engel dan Lenin, tidak sahaja sebagai kritik terhadap kapitalisme dan masyarakat kapitalis, tetapi juga dengan melihat kekurangan-kekurangan kelas buruh sebagai usaha untuk memperbaiki kebudayaan dan menyedarkan diri daripada penyelewengan di dalam pembangunan masyarakat Marxisme.⁸⁷

⁸⁴ Malik Bennabi (1972), *Āfāq Jazāiriyah*, c. 2. Kaherah: Maktabah Ammar, h. 44-47.

⁸⁵ Bennabi (1972), *Āfāq*, 47.

⁸⁶ Bennabi (1970), *Intāj al-Musytasrikīn*, h. 32

⁸⁷ Bennabi (1972), *Āfāq*, 47-78.

(v) Penilaian Aspek Kuantiti

Kecenderungan terhadap kuantiti dan melihat sesuatu dari aspek besar dari segi jumlahnya jumlahnya adalah ciri lain budaya masyarakat selepas Muwahhidun.⁸⁸ Suatu masyarakat ketika hanya berhenti pada dua dimensi; “benda” dan “figur” dan tidak memiliki dimensi “idea”, kebudayaannya akan tenggelam dalam alam kebendaan. Ketika kebudayaan berputar hanya sekitar alam benda, maka alam benda akan menduduki tempat nilai, dan hukum yang diasaskan atas kualiti akan berubah kepada hukum kuantiti; iaitu menilai sesuatu dengan ukuran benda.⁸⁹ Menurut Malik Bennabi, dalam budaya ini; tinggi dan rendahnya kedudukan seseorang pegawai hanya dilihat dari banyaknya peralatan yang ada dalam pejabatnya, seperti alat telefon dan alat pendingin hawa; mutu suatu buku hanya dinilai daripada banyaknya jumlah lembaran dan bukan atas dasar kualiti dan keilmiahannya; pembangunan ekonomi hanya dapat dilakukan melalui pelaburan dan penggunaan modal-modal dari luar atau dengan meningkatkan pajak. Dalam budaya ini juga slogan bahawa rakyat memiliki pemerintahan berubah menjadi pemerintahan memiliki rakyat.⁹⁰ Menurut Malik Bennabi, budaya menilai sesuatu dari ukuran benda juga dapat membawa kepada budaya mengumpul (*takdis*) benda-benda dan barang produk luar,⁹¹ dan kebergantungan kepada benda-benda yang moden, tanpa dengan pertimbangan secara rasional. Salah satu contohnya, menurut Malik Bennabi seperti kecenderungan wanita-wanita untuk membeli dan memakai baju tebal berbulu yang diimpot dan yang mahal harganya dengan tujuan untuk menyamakan diri dengan wanita-wanita

⁸⁸ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 60.

⁸⁹ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 79

⁹⁰ *Ibid.*, h. 79-80.

⁹¹ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 48.

Eropah yang maju, tanpa melihat kesesuaianya dengan lingkungan dan iklim setempat yang panas.⁹²

(vi) Romantisme

Kebudayaan Islam selepas Muwahhidun juga banyak diwarnai oleh aspek romantisme.⁹³ Menurut Malik Bennabi, kecenderungan tersebut adalah cara lain untuk menutupi kelemahan; dengan menggunakan syair dan sastera yang indah dan romantik.⁹⁴ Wujudnya aspek romantisme dalam kebudayaan bukanlah perkara yang negatif, akan tetapi ketika kebudayaan dikuasai oleh aspek romantisme, kebudayaan akan kehilangan kedinamikan dan perananannya secara maksimum dalam menggerakkan individu dan masyarakat ke arah perubahan. Aspek romantisme yang berlebih-lebihan dapat membawa masyarakat ke alam khayal dan dapat mendorong mereka untuk menggunakan cara-cara yang khurafat dalam menghadapi berbagai-bagai persoalan, yang menurut Malik Bennabi, "kita tidak lagi bebas dari cara-cara yang khurafat, iaitu cara-cara keanak-anakkan yang dihasilkan dari kisah Seribu Satu Malam, kisah yang kita warisi dari masa-masa kejatuhan, dan yang memiliki pengaruh yang besar dalam persekitaran moral dan sosial kita."⁹⁵ Demikian juga, sikap-sikap Jabariah dan Qodariah dalam cara berfikir dan tingkah laku tidak lain adalah juga merupakan gambaran daripada cara berfikir yang khurafat, yang menjauhkan masyarakat Islam dari usaha-usaha praktikal untuk perubahan dan reformasi dan menjadikan mereka berpegang pada

⁹² Bennabi (1971), *al-Ifriqiyah al-Asiawiyah*, h. 29.

⁹³ Bennabi (1986), *Wijahah*, h. 20.

⁹⁴ *Ibid.*, h. 60.

⁹⁵ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 32.

kata-kata “masa akan memberi jawaban terhadap semua permasalahan”, yang tidak lain hanya merupakan sikap menyerah diri.⁹⁶

(vii) Atomisme

Atomisme menurut Malik Bennabi adalah kecenderungan individu untuk membahagi-bahagikan segala persoalan kehidupan ke dalam bahagian-bahagian terkecil seperti atom dan menganggap bahawa semua kejadian dan peristiwa terbahagi-bahagi dan terpisah-pisah tanpa memiliki hubungan biologi antara satu dengan yang lain dan hanya merupakan tumpukan-tumpukan yang tidak mengikuti aturan yang tidak dapat diambil darinya suatu kesimpulan atau suatu hukum.⁹⁷ Menurut Malik Bennabi fenomena ini bukan merupakan ciri khas pemikiran orang Islam, seperti yang dianggap oleh Gibb, tetapi ia merupakan ciri-ciri umum manusia ketika belum mencapai tahap yang tinggi atau perkembangan yang matang, atau ketika mereka telah melewati tahap tersebut,⁹⁸ seperti yang dialami oleh masyarakat selepas Muwahhidun. Menurut Malik Bennabi, “Atomisme adalah fenomena yang nyata [di kalangan orang-orang Islam], mereka menyelesaikan masalah dengan membahagikannya ke dalam seribu bahagian yang terpisah-pisah, dan dengan menanganinya sesuai dengan keperluan harian yang sementara, tidak dengan melihat permasalahan tersebut dalam kerangka yang menyeluruh dengan menentukan aspek-aspek seperti tujuan, masa dan cara-

⁹⁶ Bennabi (1971), *al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*, h. 99.

⁹⁷ Bennabi (1988), *al-Sirā' al-Fikrī fī*, h. 55.

⁹⁸ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 17.

cara.⁹⁹ Budaya berfikir yang sedemikian, menurut Malik Bennabi, memberi pengaruh yang negatif dalam kehidupan dan aktiviti-aktiviti masyarakat. Ia menjadikan individu dan masyarakat kehilangan proses dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dan membawa kepada hukum-hukum dan keputusan-keputusan yang dibuat hanya berdasarkan pada apa yang mereka perolehi dari apa yang ada dan bukan berdasarkan pada realiti-realiti sebenar yang ada baik yang nampak maupun yang tidak nampak. Proses berfikir yang sedemikian adalah proses yang tidak ilmiah, yang merupakan akibat dari kesulitan untuk membangun bangunan akal yang menyeluruh dan yang merupakan ciri kebudayaan dan bangunan akal orang Islam semasa.¹⁰⁰

D. PERANAN AGAMA DALAM MENCiptakan KEDINAMIKAAN KEBUDAYAAN

Masyarakat yang mundur lebih memerlukan kepada kebudayaan yang bersifat perubahan dan pembangunan.¹⁰¹ Oleh kerana itu bagi masyarakat Islam, persoalan kebudayaan adalah persoalan bagaimana menciptakan kebudayaan yang dinamik kerana kemunduran dan keterbelakangan adalah akibat dari ketidak-dinamikan individu atau tidak adanya kedinamikan dalam kehidupan individu-individu dalam masyarakat.¹⁰² Kebudayaan sebagai teori tentang tingkah-laku,¹⁰³ harus dilihat dari perspektif pendidikan dengan menentukan kandungan-

⁹⁹ Bennabi (1971), *al-Ifriqiyah al-Asiawiyyah*, h. 102.

¹⁰⁰ Bennabi (1972), *Āfāq*, h. 170.

¹⁰¹ al-Kuraisy (1989) , *op.cit.*, h. 187.

¹⁰² Bennabi (1972), *Āfāq*, h. 172.

¹⁰³ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 88.

kandungan dan unsur-unsur penting kebudayaan yang dapat mengajar dan mendidik tingkah-laku individu dan cara hidup masyarakat,¹⁰⁴ ke arah kedinamikan. Menurut Malik Bennabi, ‘metode positif’ yang dapat menciptakan kebudayaan sebagai sumber perubahan dan kedinamikan adalah dengan menentukan unsur-unsur terpenting kebudayaan dan memberikan tumpuan terhadap unsur-unsur tersebut dalam proses pendidikan. Unsur-unsur tersebut menurut Malik Bennabi adalah seperti berikut: (i) prinsip moral (*al-dustūr al-khuluqi*) untuk membentuk jaringan-jaringan kemasyarakatan; (ii) estetik (*al-dhawq al-jamālī*) untuk membentuk citarasa umum; (iii) logik kerja (*al-mantiq al-‘amali*) untuk menentukan bentuk-bentuk aktiviti, dan; (iv) ilmu terapan sesuai dengan masing-masing masyarakat atau teknologi (*al-ṣinā‘ah*) dalam bahasa Ibnu Khaldun.¹⁰⁵ Maka, “kebudayaan dalam perspektif pedagogi adalah semua itu; iaitu bangunan yang terdiri dari moral, estetik, logik kerja, dan ilmu industri.”¹⁰⁶ Dalam analisis Malik Bennabi, agama memiliki peranan yang sangat penting baik sebagai prinsip moral kebudayaan -yang merupakan unsur terpenting kebudayaan- mahupun sebagai pemangkin yang mempercepat proses pembentukan ketiga-tiga unsur kebudayaan yang lain.

¹⁰⁴ *Ibid.*, h. 88.

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 93.

¹⁰⁶ Bennabi (1972), *Āfāq*, h. 114.

(i) AGAMA SEBAGAI PRINSIP MORAL KEBUDAYAAN

Menurut Malik Bennabi agama adalah unsur pertama dan sebagai prinsip moral (*al-dustūr al-khuluqī*) kebudayaan. Menurutnya, “suatu kebudayaan tidak dapat membentuk suatu cara hidup dalam suatu masyarakat, kecuali jika ianya mengandungi unsur yang menjadikan setiap individu berkait dengan cara tersebut, sehingga tidak terjadi penyelewengan dalam tingkah laku, unsur itu harus berdimensi moral atau berbentuk prinsip moral.”¹⁰⁷ “Bertambah dan berkurangnya kedinamikan suatu masyarakat bergantung kepada bertambah dan berkurangnya pengaruh prinsip moral. Sikap-sikap suatu masyarakat dalam menghadapi segala permasalahan ditentukan oleh suatu prinsip yang membentuk syarat penting kedinamikaannya, yang dapat mengatur jaringan-jaringan di antara ‘figur-figur’ sesuai dengan kepentingan bersama.”¹⁰⁸

Menurut Malik Bennabi “prinsip moral berperanan penting dalam membangun alam figur, yang tanpa dengannya tidak dapat dibayangkan wujudnya alam benda, dan tidak pula alam idea.”¹⁰⁹ “Prinsip moral adalah yang memberikan arah masyarakat secara umum dengan menentukan faktor-faktor pendorong dan hala tuju.”¹¹⁰ Moral agama, lebih-lebih lagi dengan unsur ‘pahala’ yang terdapat dalam agama, adalah “yang menciptakan dan menentukan jaringan-jaringan di dalam alam figur,”¹¹¹ dan yang demikian ia adalah faktor yang membangkitkan kecenderungan-kecenderungan dan naluri manusia untuk berkumpul,

¹⁰⁷ Bennabi (1991), *Ta'ammulât*, h. 148.

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 148.

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 150.

¹¹¹ *Ibid.*, h. 149.

berkomunikasi dan bermasyarakat yang merupakan asas penting dalam kemajuan. Ia membantu mendorong terciptanya persetujuan mengenai sifat dan isi kewajipan-kewajipan sosial dengan memberikan nilai-nilai yang berfungsi untuk menyalurkan sikap-sikap para anggota masyarakat dan menetapkan isi kewajipan-kewajipan sosial mereka. Dalam peranan ini agama sebagai prinsip moral telah membantu menciptakan sistem-sistem nilai sosial yang terpadu dan utuh.¹¹² Menurut Malik Bennabi prinsip moral juga “membangkitkan kecenderungan kemanusiaan seseorang ke alam luar untuk mencakupi alam haiwan yang hidup bersama manusia, yang oleh kerana itu kita dapat menjumpai, dalam masyarakat berbudaya, syair-syair yang menggambarkan perasaan manusia terhadap haiwan seperti juga kita lihat karya-karya seni baik seni ukir ataupun seni lukis yang berusaha menterjemahkan perasaan-perasan haiwan.”¹¹³ Demikianlah, dalam pandangan Malik Bennabi, moral yang dapat menjadikan kebudayaan dinamik adalah moral yang wujud dalam dimensi kemasyarakatan, yang dapat mencipta jaringan kemasyarakatan, dan yang dapat mempengaruhi dan mengarahkan gerakan sejarah.

Ketika berpendapat bahawa semua agama dapat berperanan sebagai kekuatan moral yang mendorong kedinamikan kebudayaan dan sebagai pemangkin kebudayaan, sebenarnya Malik Bennabi bermaksud untuk membuktikan bahawa Islam mampu berperanan lebih baik, sebagai pemangkin peradaban dan faktor pendorong kedinamikan kebudayaan, daripada agama-agama ataupun ideologi-ideologi yang lain. Atas alasan tersebut maka Malik Bennabi dalam tulisan-

¹¹² Elizabeth K. Nottingham (1985), *Agama Dan Masyarakat; Suatu Pengantar Sosiologi*, Abdul Muis Naharong (terj.). Jakarta: CV. Rajawali, h. 36.

¹¹³ Bennabi (1991), *Ta'ammulat*, h. 149.

tulisannya selalu memberikan contoh tentang peranan agama Kristian dalam pembentukan kebudayaan dan peradaban Barat dan peranan yang pernah dilakukan Islam dalam proses pembentukan kebudayaan Islam dan peradabannya pada awal kelahiran dan masa-masa kegembilangannya dalam sejarah, dengan tujuan untuk dapat mengambil aspek-aspek positif daripada pengalaman kedua-dua agama tersebut sehingga dapat dijadikan sebagai landasan untuk membangun peradaban Islam pada masa hadapan.

Menurut Malik Bennabi, agama Kristian dengan segala perubahan dan perkembangannya dalam sejarah merupakan prinsip moral yang menciptakan jaringan-jaringan kemasyarakatan dalam kebudayaan Barat dan yang mendorong kedinamikan kebudayaan tersebut, dalam hal ini beliau mengatakan:

“Kesalahan kita dalam menilai peradaban Barat adalah kerana kita hanya melihat karya-karya yang dihasilkannya yang seakan-akan hanya merupakan hasil dari berbagai-bagai ilmu dan berbagai industri, dan melupakan bahawa ilmu-ilmu dan industri-industri tersebut tidak akan wujud tanpa dengan adanya jaringan-jaringan sosial tertentu, yang merupakan prinsip moral yang menjadi asas ilmu-ilmu peradaban Barat, sebagai contoh Radio, kalau kita melihat bangunannya kita tidak menjumpai apa-apa nilai agama Kristian di dalamnya, padahal sebenarnya ia adalah merupakan hasil dari jaringan-jaringan kemasyarakatan yang menyatukan berbagai macam usaha ilmiah dari Hertz dari Jerman, Propoff dari Rusia, Branly dari Perancis, Marconi dari Itali dan Fleming dari Amerika, maka radio adalah hasil dari berbagai macam usaha ilmiah tersebut. Jaringan-jaringan ini pada asalnya tidak lain adalah jaringan-jaringan Kristian yang menghasilkan peradaban Barat sejak masa Charlemagne. Demikianlah, kalau kita ikuti setiap fenomena peradaban Barat akan menghantarkan kita kepada jaringan-jaringan keagamaan yang pertama yang membangkitkan suatu peradaban, ia adalah hakikat setiap masa dan setiap peradaban.”¹¹⁴

¹¹⁴ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 95-96; Bennabi (1989), *al-Thaqafah*, h. 80-81.

Malik Bennabi, mengakui bahawa prinsip moral kebudayaan dan peradaban Barat mengalami perubahan dan perkembangan, maka itu beliau berpendapat bahawa peradaban Barat pada awalnya terbangun dalam kerangka moral Kristian yang membuka ruang kepadanya untuk berkembang dan maju, tetapi dalam perkembangannya asas moral peradaban tersebut telah mengalami perubahan sedikit demi sedikit, sehingga menjadi kerangka yang bercampur-campur; dari pemikiran Katolik, Protestan, dan apa yang disebut dengan pemikiran bebas, dan pemikiran Yahudi, dan ini memberikan tafsiran terhadap permulaan padamnya roh sebagai moral pendorang yang di derita peradaban Barat semasa.¹¹⁵

Sementara itu, menurut Malik Bennabi, agama Islam adalah kekuatan moral yang telah menciptakan jaringan-jaringan sosial -dari unsur-unsur yang berbeza seperti antara al-Ansār dan al-Muhājirūn- dalam masyarakat Islam yang pertama.¹¹⁶ Kekuatan moral yang telah melahirkan –melalui jaringan-jaringan sosial tersebut- kebudayaan masyarakat Islam yang agung dan gemilang. Malik Bennabi berkeyakinan bahawa “kekuatan masyarakat Islam dengan jelas ada pada Islam.”¹¹⁷ Beliau kemudian bertanya, “akan tetapi Islam yang bagaimana?”¹¹⁸ Beliau kemudian menjawab “iaitu Islam yang bergerak dalam akal dan tingkah laku kita dan yang membangkitkan dalam bentuk Islam sosial.”¹¹⁹ Agama Islam telah mengajarkan kepada semua pengikutnya disiplin, kebersihan, semangat kerja dan nilai-nilai moral lainnya, akan tetapi menurut Malik Bennabi, dalam kehidupan nyata orang-orang Barat lebih dinamik, lebih berdisiplin dan lebih

¹¹⁵ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 105.

¹¹⁶ Bennabi (1987), *al-Nahḍah*, h. 96.

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ *Ibid.*

bersih daripada orang-orang Islam.¹²⁰ Maka, menurut Malik Bennabi, persoalannya tidak terletak pada betul atau tidaknya pemikiran Kristian atau bahawa pemikiran Kristian lebih betul daripada ajaran Islam. Ia lebih berhubung-kait dengan hukum sosial dan sunnah sejarah iaitu masuknya suatu pemikiran dalam diri individu, khususnya pada zaman sekarang, dalam logik zaman sekarang, kebenaran suatu pemikiran tidak dilihat dari sudut falsafahnya melainkan dari sudut amalan, maka suatu pemikiran dianggap betul kalau ia dapat membawa kejayaan.¹²¹ Dalam hal ini, tidak bererti bahawa menurut Malik Bennabi, kebenaran suatu pemikiran tidak penting dalam menentukan kedinamikan, tetapi ketika beliau melihat peranan pemikiran dalam sejarah dan hubungannya dengan realiti sosial, beliau berusaha untuk mengeluarkan orang-orang Islam dari wacana dan perdebatan yang hanya bertujuan untuk membuktikan bahawa agama Islam adalah sesuai untuk segala tempat dan zaman, tetapi pada saat yang sama, Islam tidak diamalkan dalam kehidupan nyata. Malik Bennabi melihat fenomena nyata, tentang keberkesanan suatu pemikiran dalam kerangka sosial, perubahan, pembentukan peribadi-peribadi dan apa yang dapat dihasilkannya dalam sejarah. Malik Bennabi, mengakui bahawa pemikiran Islam adalah benar, tulen dan sempurna yang tidak dapat dibandingkan dengan pemikiran Kristian, akan tetapi persoalannya berhubung-kait dengan orang-orang Islam yang dalam kehidupan sosialnya lepas dari pengaruh pemikiran Islam. Oleh kerana itu, menurut pandangan Malik Bennabi, pemikiran Islam tidak memerlukan untuk dibuktikan kebenarannya secara teoretikal tetapi dengan mengamalkannya dalam kehidupan dan dengan menampakkan kedinamikannya dalam kehidupan praktikal.¹²²

¹²⁰ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 87.

¹²¹ Bennabi (1988), *al-Afkār*, h. 111.

¹²² Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 54.

Menurut Malik Bennabi, Islam telah memberikan jawapan terhadap semua persoalan yang dihadapi oleh dunia Islam, dan terhadap semua derita yang dialami oleh umat manusia. Dalam aspek persoalan kemasyarakatan Islam telah memberikan jalan penyelesaiannya dengan meletakkan syariat-syariat yang mengatur hubungan sosial seperti perkahwinan, talak dan pergaulan dalam kehidupan keluarga dan yang lain-lainnya, sebagaimana Islam juga telah meletakkan syariat-syariat yang mengatur persoalan-persoalan kehidupan dunia seperti jual-beli dan perniagaan. Dalam aspek lain, Islam juga telah meletakkan jauh di dalam akidah orang-orang Islam persiapan-persiapan yang mendorong mereka untuk dapat melaksanakan segala macam usaha, dan yang dapat menjadikan mereka mampu untuk berkarya.¹²³ Persoalannya menurut Malik Bennabi adalah, bahawa orang-orang Islam tidak melaksanakan semua kewajipan yang telah dituntut oleh akidah Islam. Menurutnya: "Kita tidak melihat akidah Islam kita dapat menguasai dan menggerakkan kekuatan-kekuatan kehidupan sosial kita, sehingga semua kekuatan kita tidak berfungsi sama sekali. Hal ini kerana kita menjadikan Islam sebagai wasilah kehidupan akhirat semata, sementara pada zaman Rasulullah s.a.w. ia adalah wasilah untuk keselamatan kehidupan akhirat dan pada saat yang sama ia adalah wasilah kejayaan, kehormatan dan peradaban dalam kehidupan sehari-hari."¹²⁴

Dalam perspektif Islam yang sebenar, kehidupan manusia harus mempertemukan jalan menuju akhirat dan dunia. Jalan ke arah kejayaan di akhirat

¹²³ Hiwâr Ma'a Malik Bennabi, *Majallah al-Syubbân al-Muslimin*, Bil. 171, Rabiul Awwal 1391H, Mei 1971, h. 16, 17.

¹²⁴ *Ibid.*

hendaklah juga merupakan jalan kejayaan di dunia. Semua kejayaan dalam pembangunan dan usaha-usaha dalam kehidupan dunia hendaklah juga untuk mendapatkan pahala akhirat. Keimanan, ketakwaan dan amal salih hendaklah sebagai penyebab tercapainya pembangunan di atas muka bumi sebagaimana ia juga hendaklah menjadi sebagai alat untuk mendapatkan keredhaan dan ganjaran dari Allah S.W.T. untuk kehidupan di akhirat kelak.¹²⁵ Pandangan orang Islam terhadap kehidupan dunia sebagai alat sebenarnya dapat menyediakan lebih peluang kejayaan berbanding orang Barat yang memandang kehidupan dunia sebagai tujuan akhir. Hal ini kerana ketika seseorang telah mencapai kejayaan di dunia dan pada masa yang sama dia menganggap kejayaan dunia adalah tujuan akhir maka dia tidak perlu lagi untuk bekerja lebih keras, sementara seseorang yang menganggap kehidupan dunia hanya sebagai alat untuk membangun akhirat yang tidak terbatas dan mencari kebaikan di sisi Allah S.W.T. yang tidak terbatas, maka dia dituntut supaya lebih giat dan terus berusaha sekutu mungkin selama masih hidup di atas muka bumi ini.¹²⁶

Menurut Malik Bennabi, keimanan yang hanya menjadi fenomena peribadi risalahnya akan putus ditelan bumi dalam liputan sejarah. Ia menjadi tidak bertenaga dan tidak mampu melahirkan dan menggerakkan peradaban, kerana ia menjadi keimanan para bishop, yang memutuskan hubungan dengan kehidupan dan melepaskan diri dari segala kewajipan dan tanggungjawab mereka.¹²⁷ Islam dalam dimensinya sebagai agama sosial akan dapat berperanan sebagai pemangkin nilai-nilai kemasyarakatan lebih dari agama-agama yang lain, ia dapat

¹²⁵ Sayid Qutb (1981), *Fi Zilāl al-Qur'ān*, j. 2. Kaherah: Dār al-Syurq, h. 930.

¹²⁶ Usman Syihib (1994), "Keseimbangan Hidup Dalam Islam", *Utusan Malaysia*, Selasa 22 Februari, 1994.

¹²⁷ Bennabi (1986), *Wijhah*, h. 32.

menciptakan kebudayaan dan peradaban yang lebih cerah dari pengalaman agama-agama lain, sebagaimana dalam sejarah ia pernah melahirkan peradaban yang cemerlang di atas bumi yang gersang, di tengah-tengah orang-orang badwi, orang-orang fitrah atau orang-orang padang pasir.¹²⁸

Dalam konsepsi Malik Bennabi, kerangka budaya umum memiliki hubungan dialektika dengan proses pembentukan tingkah laku moral sosial. Menurutnya, ketiadaan kerangka budaya umum suatu konsep jaringan sosial tidak dapat memberikan hasil yang positif, demikian juga alat-alat pendidikan ketika tidak memiliki lingkungan budaya moral tidak dapat memberikan hasil secara maksimum. Sebagai contoh, denda yang berupa penambahan jam bekerja terhadap pekerja yang tidak hadir bekerja tidak dapat berkesan dengan baik, kecuali dengan adanya lingkungan budaya yang secara moral dapat membantu menyampaikan pengajaran tersebut, demikian juga ‘contoh tauladan’ yang diharapkan dapat ditunjukkan oleh para penguasa atau atasan tidak dapat wujud kecuali dengan adanya kerangka kebudayaan yang berperinsipkan moral. Oleh kerana itu, menurut Malik Bennabi, semua pergerakan yang bersifat reformasi atau revolusi tidak dapat merubah manusia jika tidak ada prinsip moral yang kuat.¹²⁹

Banyaknya krisis disiplin dalam kehidupan penjara, militer, atau sekolah menunjukkan bahawa konsensus atau persetujuan kelompok-kelompok dalam masyarakat cenderung gagal ketika disiplin itu diperlakukan dengan sewenang-wenang dan tidak normal yang kerananya ia tidak bererti lagi. Dalam keadaan krisis semacam itu, kelompok-kelompok dapat dipersatukan kembali dalam satu

¹²⁸ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 96.

¹²⁹ Malik Bennabi (1978), *Bayn al-Rasyād wa al-Tīh*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 20.

barisan dengan menggunakan kekuatan fizik, akan tetapi sejarah menjadi saksi bahawa masyarakat tidak dapat dipertahankan keutuhannya dalam jangka waktu lama hanya dengan menggunakan kekuatan fizik. Apabila masyarakat diharapkan tetap stabil, dan tingkah laku sosial masyarakat dapat tertib dan baik, maka tingkah-laku yang baik harus disesuaikan dengan prinsip-prinsip tertentu yang relatif diterima dan disepakati bersama, yang oleh para sarjana sosiologi disebut sebagai "nilai-nilai". Pada saat nilai-nilai suatu masyarakat dapat diintegrasikan dalam suatu sistem yang bererti, pada saat itulah angota-anggota masyarakat dapat bersatu menuju ke satu arah dalam tingkah-laku mereka. Nilai-nilai yang ada dalam hampir semua masyarakat berbentuk tingkatan atau hirarki. Dalam hirarki ini agama menetapkan nilai-nilai yang tertinggi. Nilai-nilai yang tertinggi berikut implikasinya dalam bentuk tingkah-laku, memperolehi erti dari suatu hubungan yang diyakini adanya antara anggota-anggota pemeluk suatu agama dengan Tuhan mereka.¹³⁰ Ganjaran-ganjaran dan hukuman-hukuman sosial dalam taraf tertentu memang diakui dalam norma sosial, akan tetapi jika norma-norma itu terdapat dalam kerangka acuan yang bersifat suci, maka norma-norma tersebut dikukuhkan pula dengan hukuman-hukuman yang suci; dan dalam hampir semua masyarakat hukuman-hukuman suci tersebut mempunyai kekuatan memaksa yang istimewa. Ia tidak hanya berkaitan dengan ganjaran-ganjaran dan hukuman-hukuman yang bersifat duniawi dan manusiawi, tetapi juga ganjaran-ganjaran dan hukuman-hukuman yang bersifat supra-manusiawi dan ukhrawi.¹³¹

¹³⁰ Elizabeth K. Nottingham (1985), *op.cit.*, h. 28.

¹³¹ *Ibid.*, 40.

Menurut Malik Bennabi, agama sebagai prinsip moral dapat menciptakan kedinamikan individu dan masyarakat serta kebudayaan mereka, melalui beberapa prinsip dalam jaringan perhubungan kemasyarakatan berikut:

1. Prinsip tolong-menolong: Prinsip tolong-menolong merupakan salah satu prinsip sosial yang penting dalam proses pembentukan jaringan dan kerjasama masyarakat. Bantuan dan pertolongan yang diberikan oleh individu terhadap yang lain dalam suatu masyarakat, tanpa mengharapkan balasan dan semata-mata kerana sebagai kewajipan sosial, merupakan usaha yang berdimensi moral yang dianjurkan oleh agama seperti dalam ayat berikut:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَى ...

“Dan saling tolong-menolonglah kamu sekalian dalam kebijakan dan ketakwaan..”

Terjemahan Surah: al-Māidah (5): 2.

Maka, kebudayaan, dalam persepektif pendidikan, harus mengandungi dan menghidupkan prinsip saling tolong-menolong¹³² di dalam sikap-sikap dan perilaku-perilaku kehidupan setiap individu dan masyarakat.

2. Prinsip persaudaraan: Persaudaraan (*al-mu'ākhāt*) adalah penyatuan unsur-unsur masyarakat dalam suatu ikatan sosial yang erat dan dinamik. Agama Islam banyak menekankan pentingnya prinsip ini, di antaranya adalah apa yang difirmankan Allah S.W.T. sebagai berikut:

¹³² Bennabi (1972), *Āfāq*, h. 180.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَاجٌ فَاصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَانْقُوا اللَّهُ لِعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

“Orang-orang Mukmin adalah bersaudara, maka perdamaikanlah di antara kedua saudara kamu...”

Terjemahan Surah: al-Hujurāt (49): 10.

Atau seperti apa yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa:

“Perumpamaan orang-orang Mukmin dalam kasih mengasihi, sayang menyayangi dan cinta mencintai adalah seperti sebuah tubuh yang apabila sebagian daripadanya merasakan sakit semua tubuh merasa tidak sehat dan demam.”¹³³

Dalam sejarah dan kebudayaan Islam, prinsip persaudaraan telah menciptakan ikatan sosial yang kuat antara kaum Muhibbin dan kaum Ansar dan telah menyatukan dan merubah masyarakat badwi yang bertebaran menjadi masyarakat yang bersatu dan bersama-sama membangun peradaban yang baru.¹³⁴ Malik Bennabi membezakan antara “*al-Mu'ākhāt*” dan “*al-Ukhuwwah*.“ Yang pertama, menurutnya, lebih aktif, dinamik dan lebih praktikal, sementara yang kedua hanya merupakan perasaan yang pasif dan abstrak serta hanya terdapat dalam sastera.¹³⁵ Oleh yang sedemikian dalam rangka melahirkan kebudayaan yang dinamik dan bersifat pendidikan, prinsip ini mestilah dikembangkan dan disebarluaskan dalam perilaku masyarakat, dan mestilah ditanamkan dalam diri setiap individu dan masyarakat, sebagai cara untuk mendorong ke arah usaha-usaha perubahan dan pembangunan dalam masyarakat.

¹³³ Hadith diriwayatkan oleh Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim bin Ward (Imarn Muslim), dari al-Nu'mān ibn Bashir, dalam *Sahih Muslim*, Kitab: al-Bir wa al-Silah wa al-Adab. Hadith no. 4685. (Mausū'ah al-Hadith al-Syariif, CD, c. 1: 1.1. Kaherah: Syarikah Sakhar li Barāmij al-Hāsib 1991-1996).

¹³⁴ Bennabi (1986), *Wijhat*, h. 52

¹³⁵ *Ibid.*

3. Prinsip mengambil berat di antara individu dan masyarakat: Kecenderungan hidup individualistik merupakan penyakit moral masyarakat. Penanaman prinsip ini ke dalam psikologi dan akal individu akan membawa kepada kerjasama dan menjadikan individu memiliki tanggungjawab sosial, khususnya dalam saat-saat genting.¹³⁶ Menurut Malik Bennabi, tanggungjawab sosial dan sikap saling mengambil berat di antara individu dan masyarakat, dalam satu sudut, mengharuskan wujudnya ‘kemahuan keras masyarakat’ untuk menentang segala tingkah laku individu yang salah, dan pada sudut yang lain, ia juga mengharuskan individu untuk berperanan secara kritikal terhadap kesalahan-kesalahan dalam tingkah laku masyarakat secara umum, dengan tugas berganda seperti tersebut, maka keutuhan dan sifat-sifat dinamik masyarakat akan dapat bertahan.¹³⁷ Dalam perspektif agama Islam tanggungjawab dan kedulian sosial seperti tersebut adalah sesuai dengan apa yang telah difirmankan Allah S.W.T seperti berikut:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ بَعْضٌ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ....

“Orang-orang Mukmin lelaki dan perempuan satu sama lain adalah penanggungjawab, yang masing-masing menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran...”

Terjemahan Surah: al-Taubah (9): 71.

Atau sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang maksudnya seperti berikut:

“Barang siapa di antara kamu melihat suatu kemungkaran maka ubahlah ia dengan tangan, apabila ia tidak mampu, maka ubahlah

¹³⁶ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 158.

¹³⁷ Bennabi (1972), *Āfāq*, h. 104-107; Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 90.

ia dengan lisan, dan apabila ia tidak mampu maka ubahlah ia dengan hati, dan ia adalah selemah-lemah iman".¹³⁸

(ii) AGAMA SEBAGAI PEMANGKIN KEBUDAYAAN

Agama selain sebagai prinsip moral yang merupakan unsur terpenting kebudayaan pada masa yang sama menjadi pemangkin unsur-unsur penting kebudayaan yang lain; estetik (*al-dhawq al-jamālī*), logik kerja (*al-mantiq al-amali*), dan teknologi (*al-ṣinā‘ah*).

1. Estetik

Estetik (*al-dhawq al-jamālī*), atau cita rasa merupakan unsur kedua kebudayaan setelah unsur agama, yang dapat menjadikan sebuah kebudayaan sebagai sumber kedinamikan. Menurut Malik Bennabi, estetik atau cita rasa keindahan memiliki peranan penting di dalam kedinamikan kebudayaan dengan segala isinya, bahkan ia adalah kerangka di mana suatu peradaban terbentuk.¹³⁹ Cita rasa keindahan dapat berperanan penting dalam kedinamikan suatu kebudayaan kerana ia dapat menggerakkan keinginan ke arah yang lebih jauh atau melampaui aspek kepentingan dan menambahkan nilai-nilai yang positif dalam

¹³⁸ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 90. Hadith diriwayatkan oleh Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim bin Ward (Imam Muslim), dari Abu Sa'id al-Hudri, dalam *Sahih Muslim*, Kitab: al-Iman. Hadith no. 70. (Mausū‘ah al-Hadith al-Syariif, CD, c. 1: 1.1. Kaherah: Syarikah Sakhar li Barāmjī al-Ḥasib 1991-1996).

¹³⁹ *Ibid.*, h. 94.

moral individu, nilai-nilai yang berhubung-kait dengan perasaan dan cita rasa kemanusian.¹⁴⁰ Kalau prinsip moral memberikan arah masyarakat secara umum dengan menentukan faktor-faktor pendorong dan hala tuju, maka estetik adalah yang memberikan ciri-ciri khas terhadap jaringan-jaringan dalam masyarakat dan yang menambahkan gambaran yang sesuai dengan perasaan dan cita rasa umum dari aspek warna dan bentuk.¹⁴¹

Dari sudut psikologi sosial, Malik Bennabi berpendapat bahawa pemandangan atau persekitaran memberi pengaruh dalam proses pemikiran (*kognitif*) dan tingkah-laku (*behaviour*) individu-individu dalam masyarakat, oleh kerana itu menurutnya pemandangan atau persekitaran yang indah akan memberi kesan yang positif dalam pemikiran dan yang seterusnya akan memberi pengaruh yang positif dalam tingkah laku, sebaliknya pemandangan dan persekitaran yang buruk akan memberi kesan yang negatif dalam pemikiran dan yang seterusnya akan melahirkan-tingkah laku dan kebiasaan yang buruk. Dalam hal ini Malik Bennabi mengatakan:

“Pemikiran –dalam sifatnya sebagai roh pekerjaan- lahir dari pemandangan-pemandangan yang ada dalam kerangka masyarakat dan yang memberi kesan dalam diri individu yang hidup di dalamnya, sebagai gambaran-gambaran secara maknawi yang darinya lahir pemikiran individu tersebut. Keindahan yang wujud dalam warna, suara, bau, gerak dan bentuk memberikan kesan kepada pemikiran-pemikiran manusia dan membentuk pemikiran-pemikiran tersebut dengan cirinya yang khas baik cita rasa yang baik ataupun cita rasa yang buruk yang menjijikkan. Maka dengan cita rasa keindahan yang ada dalam minda dan fikirnya, manusia akan mendapati dirinya cenderung kepada perbuatan-perbuatan yang baik dan kebiasaan-kebiasaan yang mulia. Tidak dapat diragukan lagi, bahawa cita rasa estetik memiliki peranan sosial yang penting kerana ia bagi kita adalah sumber yang lahir darinya pemikiran-pemikiran, dan yang

¹⁴⁰ Bennabi (1991), *Ta'ammulât*, h. 150.

¹⁴¹ *Ibid.*, h. 149-150.

darinya melalui pemikiran-pemikiran tersebut lahir tingkah laku-tingkah laku individu dalam masyarakat.”¹⁴²

Analisis Malik Bennabi tersebut di atas adalah seirama dengan pendapat Imam al-Ghazzali (1085-1111), menurut al-Ghazzali, interaksi antara sisi kognitif dan perilaku praktikal lahiriah merupakan hal yang pasti. Seseorang tidak melakukan sesuatu tingkah laku tertentu –walaupun itu dengan keterpaksaan-kecuali berpengaruh kepada pemikiran dan perasaanya, demikian juga sebaliknya, setiap kali terjadi perubahan dalam pemikiran dan persepsi, terjadi pula perubahan-perubahan dalam perlakunya yang nampak. Dalam hal ini al-Ghazzali, dengan bahasa psikologi moden, mengatakan seperti berikut: “Setiap sifat yang muncul dalam hati berpengaruh terhadap anggota badan, sehingga anggota badan tidak bergerak melainkan sesuai dengannya. Setiap perbuatan anggota badan juga berpengaruh terhadap hati; antara hati dan badan satu sama lain saling pengaruh-mempengaruhi.”¹⁴³

Menurut Malik Bennabi, keindahan tersebar luas dalam alam semula jadi dan kehidupan sosial, dalam alam semula jadi ia dalam bentuk berbagai suara, warna gerak, cahaya dan bayang-bayang, dalam kehidupan sosial ia nampak dalam bentuk warna-warna dan berbagai-bagai cara dan macam kehidupan. Semuanya itu, baik dalam bentuk alam semula jadi maupun sosial, diterima oleh manusia baik secara sedar maupun tidak sedar, yang kemudian mempengaruhi diri dan tingkah lakunya dan ikut membentuk cita rasa serta keinginan-keinginannya, baik yang positif maupun negatif. Oleh kerana itu, berinteraksi dengan segala sesuatu yang indah dan secara estetik dapat memberikan tenaga dan kreativiti dalam kerja

¹⁴² Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 82; Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 97-98.

¹⁴³ Abu Hamid al-Ghazzali (t.t.), *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, j. 3. Beirut: Dār al-Qalam, h. 59.

dan dapat menciptakan pelbagai macam perubahan dalam tingkah-laku dan kehidupan.¹⁴⁴

Estetik sebagai nilai suatu peradaban, memiliki pengaruh yang luas yang menyentuh setiap detik kehidupan. Ia menyentuh cita rasa dalam berpakaian, kebiasaan-kebiasaan, cara tertawa, cara mengatur rumah, menyisir anak, membersihkan kasut, atau dalam cara membersihkan kaki dan sebagainya. Islam sebagai agama, menurut Malik Bennabi, telah memberikan dorongan moral dan penekanan tentang pentingnya keindahan dalam kehidupan individu dan masyarakat, hal ini menurutnya dapat dilihat bagaimana ia memberikan penekanan terhadap pentingnya kebersihan spiritual, fizikal dan lingkungan, sehingga Islam menganggap bahawa menyingkirkan duri dari jalan merupakan bahagian daripada iman, dan sebagai suatu sedekah.¹⁴⁵ Sebagaimana juga nampak dalam Hadith Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim dan Ahmad bahawa “sesungguhnya Allah itu indah dan Dia mencintai keindahan.”¹⁴⁶ Hanya sahaja menurut Malik Bennabi, dalam realiti kehidupan sekarang ini orang Islam sudah kehilangan atau tidak memiliki cita rasa keindahan.¹⁴⁷ Sebagai contoh, menurut Malik Bennabi adalah, pemandangan anak-anak yang berpakaian lusuh dan kotor atau kalau boleh dikatakan sebagai pakaian yang dijahit dengan kotoran dan penyakit; anak-anak semacam ini yang badannya hidup dengan kotoran dan dengan pakaian yang tampil-tampalan, membawa gambaran buruk dan

¹⁴⁴ al-Kuraisy (1989), *op.cit.*, h. 196.

¹⁴⁵ Dikutip dari Badran bin Masud bin Husain (1999), *al-Zāhirah al-Gharbiyyah fī al-Wa'yī al-Hadārī Anmūdhaj Malik Bennabi*. Doha: Kitāb Al-Ummah, h. 162.

¹⁴⁶ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 97. Hadith diriwayatkan oleh Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim bin Ward (Imam Muslim), dari Abdullah ibn Masud, dalam *Sahih Muslim*, Kitab: al-Imān. Hadith no. 131. (*Mausū'ah al-Hadith al-Syariif*, CD, c. 1: 1.1. Kaherah: Syarikah Sakhar li Barāmjīl al-Hāsib 1991-1996).

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 98; Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 82.

menyediakan ke dalam masyarakat, mereka adalah bahagian dari jutaan tenaga dan akal yang menggerakkan sejarah, mereka tidak dapat menggerakkan sesuatu kerana diri mereka sendiri telah terkubur dalam kekotoran.¹⁴⁸ Meraka ini, menurut Malik Bennabi, tidak menggambarkan kemiskinan sebagai orang Islam tetapi beliau menggambarkan tentang sikap orang Islam yang tidak ambil peduli.¹⁴⁹ Dilihat dari dekat, pakaian meraka –sebagai pakaian- telah membawa erti keburukan, lebih dari itu ia membawa penyakit yang dapat membunuhnya secara material dan spiritual, pakaian tersebut tidak sahaja sebagai tempat kotoran tetapi ia juga adalah penjara bagi jiwa anak-anak tersebut.¹⁵⁰ “Dari aspek moral anak-anak tersebut bermaksud untuk menutupi auratnya, akan tetapi tampilan-tampilan dalam pakaian mereka telah membunuh kemuliaannya, kerana pandangan umum kadang-kadang sependapat bahawa ‘jubah’ dapat menciptakan seorang syaikh (ulama’) seperti juga ‘topi’ dapat mencipta seorang pendeta.”¹⁵¹

Terdapat hubungan erat antara unsur moral dan unsur estetik dalam menentukan dan mempengaruhi ciri khas suatu kebudayaan dan arah tuju suatu peradaban secara umum. Dalam hubungannya dengan kedua unsur tersebut dapat dijumpai secara umum dua bentuk masyarakat; masyarakat yang mengutamakan prinsip estetik daripada moral dan masyarakat yang mengutamakan prinsip moral daripada estetik. Menurut Malik Bennabi perbezaan dua masyarakat tersebut bukan perkara sederhana, tetapi ia merupakan perbezaan yang memiliki akar sejarah yang jauh, di mana kedua bentuk masyarakat tersebut masing-masing berkembang dengan ciri dan arah tuju yang berbeza; yang satu lebih banyak

¹⁴⁸ *Ibid.*, Juga Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 83.

¹⁴⁹ *Ibid.*, Juga Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 83.

¹⁵⁰ *Ibid.*

¹⁵¹ *Ibid.*

bergerak atas dorongan dan berdasarkan pada estetik sementara yang lain berdasarkan lebih pada moral. Sebagai contoh, di antara seni yang berkembang dalam masyarakat Barat adalah seni lukis, terutamanya adalah lukisan wanita telanjang. Ini kerana seni dalam masyarakat Barat bergerak hanya berdasarkan pada nilai estetik. Sementara itu dalam masyarakat Islam tidak dijumpai warisan seni seperti yang dijumpai di muzium-muzium peradaban Barat. Ini kerana prinsip moral dalam masyarakat Islam tidak mendukung seorang seniman untuk melahirkan perasaan secara bebas segala keindahan, terutamanya wanita telanjang. Demikian juga dalam perkembangan fesyen pakain; dalam masyarakat Barat ia berpijak dari aspek keindahan yang lebih bertujuan untuk menzahirkan dan menunjukkan keindahan dan kecantikan tubuh wanita di jalanan. Sementara dalam masyarakat Islam ia adalah alat pembungkus badan yang bertujuan untuk menutupi aurat dan mununjukkan kesantunan seorang wanita di jalanan.¹⁵²

Menurut Malik Bennabi, perbezaan dua kebudayaan tersebut behubung-kait dengan warisan adat dan tradisi sosial yang merujuk kepada asal-usul sejarah yang jauh; kebudayaan Barat mewarisi cita rasa keindahan dari warisan-warisan Yunani dan Romawi, sementara kebudayaan Islam mewarisi warisan-warisan para Nabi dan hasil daripada ajaran-ajaran wahyu yang menjadikan ‘kebenaran’ sebagai asas.¹⁵³ Standard kebudayaan Barat adalah standard estetik sementara dalam masyarakat Islam adalah standard nilai moral. Hal ini, menurut Malik Bennabi, tidak bererti kebudayaan Islam tidak memiliki unsur estetik akan tetapi ia meletakkan unsur estetik di bawah prinsip moral dalam susunan nilai. Menurut Malik Bennabi, kebudayaan dalam peradaban Barat yang mengutamakan aspek

¹⁵² *Ibid.*, h. 108-109.

¹⁵³ *Ibid.*, h. 110.

estetik daripada moral dalam susunan nilai, telah mengakibatkan kebudayaan tersebut terpisah dari kebudayaan kemanusian, merosak metode dalam susunan nilai dan membahayakan peradaban Barat sendiri. Ia telah membawa kepada penghalalan segala cara, memutus jaringan sosial dan bahkan menurut Malik Bennabi ia telah melahirkan ‘kebudayaan penjajahan’. Menurut Malik Bennabi, fenomena penjajahan adalah salah satu refleksi dari bentuk suatu kebudayaan yang berasaskan pada penguasaan, dan “semua kebudayaan penguasaan (*culture d'empire*) pada dasarnya adalah kebudayaan yang di dalamnya berkembang nilai estetik yang mengalahkan nilai moral.”¹⁵⁴

2. Logik Kerja

Yang dimaksudkan dengan logik kerja (*al-mantiq al-'amali*) bukanlah ilmu logik (mantik) yang asas-asasnya telah diletakkan sejak Aristotles (354-322 SM), akan tetapi yang dimaksudkan dengan logik kerja di sini adalah bagaimana mengaitkan suatu pekerjaan dengan alat-alat dan tujuan-tujuannya, sehingga tidak memandang sesuatu dengan senang atau susah tanpa ukuran; ukuran yang nilainilainya bersumber dari dalam masyarakat dengan segala kemampuan yang dimiliki. Tidak susah bagi orang Islam untuk membuat suatu ukuran teoretikal dengan premis-premis tertentu untuk diambil darinya suatu kesimpulan, tetapi sedikit dari mereka yang mengetahui logik kerja iaitu usaha untuk menghasilkan

¹⁵⁴ *Ibid.*, h. 111.

sebanyak mungkin faedah dari kemudahan-kemudahan tertentu.¹⁵⁵ Logik kerja menurut Malik Bennabi, adalah unsur yang dapat menterjemahkan kedua unsur sebelumnya; moral dan estetik, ke dalam aktiviti-aktiviti dan realiti kehidupan. Sejarah tidak lain, adalah merupakan senarai berbagai-bagai macam pergerakan dan pemikiran. Maka itu masyarakat yang setiap harinya dapat melakukan pergerakan dan pemikiran dalam jumlah yang banyak akan mendapatkan hasil sosial yang besar, seseorang yang berjalan sepuluh langkah dan menggerakkan tangannya sepuluh kali akan dapat memberikan kepada masyarakat khidmat dan hasil yang lebih besar daripada seseorang yang hanya melangkah dan menggerakkan tangannya sekali.¹⁵⁶

Menurut Malik Bennabi, orang Islam sangat memerlukan logik ini, akal yang abstrak (tanpa amal) banyak dimiliki orang Islam akan tetapi akal praktikal, yang memiliki semangat dan kekuatan tidak banyak dimiliki oleh mereka. "Dalam kehidupan kita seharian segala yang kita lakukan sebahagian besarnya tidak memberi manfaat, sebahagian besarnya hilang dan untuk usaha-usaha yang sia-sia."¹⁵⁷ "Metode kita tidak mengenal alat, kebudayaan kita tidak memiliki model, dan pemikiran kita tidak mengetahui cara untuk mengamalkan, semuanya terus kita ulang-ulang di setiap langkah kita"¹⁵⁸ "Dikatakan bahawa orang Islam hidup berdasarkan pada al-Qur'an, yang benar adalah; mereka berbicara sesuai dengan al-Qur'an tetapi tidak memiliki logik kerja dalam tingkah laku meraka."¹⁵⁹ Menurut Malik Bennabi, kalau dibandingkan antara orang Islam dan orang Barat,

¹⁵⁵ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 85.

¹⁵⁶ Bennabi (1991), *Ta'mmulat*, h. 150.

¹⁵⁷ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 102; Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 87.

¹⁵⁸ *Ibid.*, h.103; Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 87.

¹⁵⁹ *Ibid.*

mana satu yang lebih dinamik dan lebih bekerja keras? Bukan orang Islam, padahal al-Qur'an telah menyuruh mereka: "Dan berdisiplinlah dalam cara engkau berjalan"¹⁶⁰ juga: "Dan janganlah engkau berjalan di atas bumi dengan bongkak."¹⁶¹ Kekurangan orang Islam, menurut Malik Bennabi, adalah dalam logik kerja dan gerakan, mereka tidak berfikir untuk dikerjakan akan tetapi untuk bercakap.¹⁶² Oleh kerana itu dalam perspektif pendidikan diperlukan kaedah-kaedah pedagogi yang dapat menyampaikan idea ini [logik kerja] ke dalam tingkah laku individu dan cara hidup masyarakat.

Pekerjaan adalah yang menggariskan alam benda dalam kerangka sosial, walaupun ia bukan merupakan unsur yang asas seperti manusia, masa dan tanah, hanya sahaja ianya lahir dari ketiga-tiga unsur tersebut. Menurut Malik Bennabi agama Islam mengajarkan kepada umatnya untuk bekerja, seperti apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

"Tidak makan seseorang makanan lebih baik melainkan dari hasil usaha tangannya dan sesungguhnya Nabi Dawud makan dari hasil tangannya sendiri"¹⁶³

Dalam sejarah Islam, menurut Malik Bennabi, orang Islam ketika membangun masjid mereka yang pertama di Madinah, mereka dengan demikian telah menerima pelajaran penting tentang pekerjaan, di mana ianya merupakan langkah pertama dalam pekerjaan yang dapat mencipta peradaban Islam.¹⁶⁴

¹⁶⁰ Terjemahan Surah: Luqmān (31): 19.

¹⁶¹ Terjemahan Surah: Luqmān (31): 18.

¹⁶² Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 103; Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 87.

¹⁶³ Hadith diriwayatkan oleh Muhammad bin Ismā'il Abū Abd Allah al-Bukhārī (Imam al-Bukhārī) dari al-Miqdām, dalam *Sahīh al-Bukhārī*, Kitab: al-Buyū'. Hadith no. 1930. (Mausū'ah al-Hadith al-Syariif, CD, c. 1: 1.1. Kaherah: Syarikah Sakhar li Barāmjī al-Hāsib 1991-1996).

¹⁶⁴ Bennabi (1987), *al-Nahdah*, h. 114.

Menurut Malik Bennabi, dalam masyarakat yang sedang berusaha membangun, diperlukan pendidikan yang dapat mengarahkan kepada berbagai-bagi macam usaha ke arah yang sama; baik usaha seorang pengembala, pengusaha, pelajar, intelektual, wanita, petani dan sebagainya untuk masing-masing dapat setiap hari meletakkan bahagian yang baru dalam sebuah bangunan. Mengajarkan tiga huruf adalah kerja, menerima huruf-huruf tersebut adalah kerja, menyingkirkan duri dari jalan adalah kerja, memberikan nasihat untuk kebersihan adalah kerja, menanam pohon adalah kerja, dan memanfaatkan waktu luang untuk membantu orang lain adalah kerja dan mengarahkan pekerjaan bererti menciptakan segala usaha untuk mengubah keadaan manusia dan menciptakan persekitaran yang baru.¹⁶⁵ Semua kerja manusia dimulakan dari tangan, tangan yang membuka jalan untuk pemikiran dalam alam benda yang dicipta, ia yang mencipta pemikiran dan yang memberi tempat dan persekitaran untuk perkembangan pemikiran manusia. Maka “kita hormati tangan yang memegang alat, kerana darinya akan muncul berbagai-bagi mukjizat yang kita nantikan.”¹⁶⁶

3. Teknologi

Menurut Malik Bennabi, “prinsip moral, estetik dan logik kerja dengan sendirinya tidak dapat menjadi sesuatu, jika kita tidak memiliki alat-alat, dan ilmu adalah yang memberi kita alat-alat tersebut. Ilmu atau teknologi (*al-ṣinā‘ah*) - dalam bahasa Ibnu Khaldun- menjadi unsur penting dalam kebudayaan, yang tanpa dengannya erti dan bangunan kebudayaan tidak dapat terbentuk, ia dengan

¹⁶⁵ *Ibid.*, h. 115.

¹⁶⁶ *Ibid.*, h. 115-116.

Menurut Malik Bennabi, dalam masyarakat yang sedang berusaha membangun, diperlukan pendidikan yang dapat mengarahkan kepada berbagai-bagi macam usaha ke arah yang sama; baik usaha seorang pengembala, pengusaha, pelajar, intelektual, wanita, petani dan sebagainya untuk masing-masing dapat setiap hari meletakkan bahagian yang baru dalam sebuah bangunan. Mengajarkan tiga huruf adalah kerja, menerima huruf-huruf tersebut adalah kerja, menyingkirkan duri dari jalan adalah kerja, memberikan nasihat untuk kebersihan adalah kerja, menanam pohon adalah kerja, dan memanfaatkan waktu luang untuk membantu orang lain adalah kerja dan mengarahkan pekerjaan bererti menciptakan segala usaha untuk mengubah keadaan manusia dan menciptakan persekitaran yang baru.¹⁶⁵ Semua kerja manusia dimulakan dari tangan, tangan yang membuka jalan untuk pemikiran dalam alam benda yang dicipta, ia yang mencipta pemikiran dan yang memberi tempat dan persekitaran untuk perkembangan pemikiran manusia. Maka “kita hormati tangan yang memegang alat, kerana darinya akan muncul berbagai-bagi mukjizat yang kita nantikan.”¹⁶⁶

3. Teknologi

Menurut Malik Bennabi, “prinsip moral, estetik dan logik kerja dengan sendirinya tidak dapat menjadi sesuatu, jika kita tidak memiliki alat-alat, dan ilmu adalah yang memberi kita alat-alat tersebut. Ilmu atau teknologi (*al-ṣinā'ah*) - dalam bahasa Ibnu Khaldun- menjadi unsur penting dalam kebudayaan, yang tanpa dengannya erti dan bangunan kebudayaan tidak dapat terbentuk, ia dengan

¹⁶⁵ *Ibid.*, h. 115.

¹⁶⁶ *Ibid.*, h. 115-116.

aqliyah (rasional) dan budaya ilmiah yang baru yang menjadikan ilmu dapat berkembang dengan pesat.”¹⁷⁴

Menurut Malik Bennabi, agama Islam membuka jalan ke arah persekitaran ilmiah melalui perkataan “*iqra’*” (bacalah),¹⁷⁵ kemudian meletakkan beberapa langkah fundamental yang dapat menciptakan ruang dan psikologi sosial bagi mewujudkan budaya intelektual dan perkembangan ilmu pengetahuan. Di antara langkah-langkah tersebut,¹⁷⁶ menurut Malik Bennabi adalah:

Pertama, Islam memberikan penekanan terhadap pentingnya ilmu pengetahuan dan keutamaan orang-orang yang berilmu, seperti apa yang dinyatakan al-Qur'an:

فَلْمَنِهِ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ....

“Katakanlah adakah sama antara orang yang berilmu dan orang yang tidak berilmu.”¹⁷⁷

Terjemahan Surah: al-Zumar (39): 9.

Kedua, menjadikan proses menuntut ilmu sebagai pekerjaan dan aktiviti harian manusia, sesuai dengan beberapa hadith Rasulullah S.a.w., yang di antaranya:

“Mencari ilmu adalah kewajipan bagi setiap Muslim lelaki dan perempuan.”¹⁷⁸

Atau hadith Rasulullah yang maksudnya:

“Carilah ilmu hingga ke negeri Cina.”¹⁷⁹

¹⁷⁴ *Ibid.*, h. 36-37.

¹⁷⁵ *Ibid.*, h. 46-47

¹⁷⁶ Lihat Bennabi (1970), *Intâj al-Musytaṣyrikîn*, h. 48-50, dengan sedikit tambahan.

¹⁷⁷ Al-Qur'an: Al-Zumar/39: 9.

¹⁷⁸ Bennabi tidak mengutip perawi khadith ini. Hadith diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan lafadz “*alâ kulli muslim*” (bagi setiap Muslim), ia bermaksud setiap Muslim baik lelaki maupun perempuan.

Atau dalam hadith yang lain yang maksudnya:

“Tinta para ulama lebih berharga daripada darah para syuhada”¹⁸⁰.

Hadith-hadith ini dan yang lainnya menurut Malik Bennabi secara praktikal menyokong dan memperkuat bangunan intelektual yang dibangunkan oleh al-Qur'an.

Ketiga, dengan meletakkan dasar cara berfikir ilmiah dan objektif dengan menolak ilmu yang berdasarkan spekulasi, taklid dan khurafat; al-Qur'an menggambarkan penyelewengan orang Yahudi dengan mengatakan:

وَمِنْهُمْ أُمَّيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ إِلَّا أَمَانَىٰ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَظْلَمُونَ

“Dan di antara mereka ada yang buta huruf, tidak mengetahui Taurat kecuali dongeng bohong belaka dan mereka hanya menduga-duga.”

Terjemahan Surah: al-Baqarah (2): 78.

al-Qur'an juga menjawab spekulasi mereka dengan mengatakan:

هَأَنْتُمْ هُوَلَاءُ حَاجِجُّمْ فِيمَا لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلِمَ ثَحَاجُونَ فِيمَا لَنِسَ لَكُمْ
بِهِ عِلْمٌ ...

“Beginilah kamu, kamu ini bantah membantah tentang hal yang kamu ketahui, maka kenapa kamu bantah membantah tentang hal yang tidak kamu ketahui..”

Terjemahan Surah: Ali Imrān (3): 66.

¹⁷⁹ Bennabi juga tidak mengutip perawi hadith ini. Hadith ini diriwayatkan oleh Ibnu 'Adyi, Abu Nuaim, Ibnu Alaik, al-Qsairy, al-Khatib dan Ibnu Abdul Bar, yang semuanya melalui al-Hasan Ibnu Atiyyah dan Abu Atikah dari Anas. Menurut al-AlBani ia adalah hadith batil. [lihat Muhammad Nasiruddin al-Albani (1985), *Silsilah al-Ahādīth al-Ḍa'iṣah wa al-Mauḍū'ah*, j.1, c. 5. Darnsyik: al-Maktabah al-Islami, h. 413.

¹⁸⁰ Bennabi juga tidak mengutip asal-usaul hadith ini. Hadith ini diriwayatkan oleh Muhammad Bin al-Hasan al-Askari dari Abbas al-Bahrami. Menurut al-Khatib al-Baghda'i ia adalah hadith mauḍū' [Rujuk Syamsuddin Muhammad ibnu Ahmad al-Dhahabi (1995), *Mizān al-Itidāl Fi Naqd al-Rijāl*, j. 5, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, h. 112. Atau rujuk Ibn Hajar al-Asqalani (1987), *Lisān al-Mizān*, j. 5. c. 3. Beirut: Mu'assah al-A'lamī li al-Matbu'āt, h. 125.

al-Qur'an mencela sikap taklid orang Musyrik yang mengatakan:

حَسِبْنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ أَبَاعَنَا ...

"Cukuplah untuk kami apa yang kami dapati daripada bapa kami mengerjakannya..."

Terjemahan Surah: al-Māidah (5): 104.

Dengan nada kritika al-Qur'an di hujung ayat tersebut menanyakan:

... أَلَوْ كَانَ آبَاؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

"Dan apakah mereka akan mengikuti juga nenek moyang mereka walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui apa-apa dan tidak pula mendapat petunjuk?"

Terjemahan Surah: al-Māidah (5): 104

Demikian juga penolakkan Rasulullah s.a.w. terhadap keyakinan khurafat, seperti dalam sabda beliau yang maksudnya:

"Matahari dan bulan adalah dua daripada tanda-tanda kebesaran Allah, tidak terjadi padanya gerhana kerana kematian atau hidupnya seseorang."¹⁸¹

Menurut Malik Bennabi, langkah-langkah inilah yang kemudian dapat menciptakan budaya ilmu dan meletakkan semua syarat-syarat yang dapat membawa kepada terjadinya revolusi ilmu pengetahuan dan perkembangan teknologi dalam sejarah peradaban Islam.¹⁸²

Menurut Malik Bennabi, dalam sejarah perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi moden di Barat juga dimulakan dengan kewujudan persekitaran yang baru iaitu persekitaran ilmiah. Sebagai contoh, sejak ditemukannya api dalam

¹⁸¹ Hadith diriwayatkan oleh Muhammad bin Ismā'il Abū Abd Allah al-Bukhārī (Imam al-Bukhārī) dari Abu Bakar, dalam *Sahih al-Bukhārī*, Kitab: al-Jum'ah. Hadith no. 1930. (Mausū'ah al-Hasīb al-Syārif, CD, c. 1: 1.1. Kaherah: Syarikah Sakhar li Barāmij al-Hasīb 1991-1996).

¹⁸² Bennabi (1970), *Intāj al-Musytasyrīkīn*, h. 34-35.

kehidupan manusia, orang selalu melihat adanya wap, tetapi mereka tidak dapat menemukan tenaga wap kecuali sejak datangnya James Watt (1736-1819). Menurut Bennbi, Watt dapat menemukan mesin tenaga wap kerana beliau memperhatikan dan menganalisis api dalam persekitaran intelektual dan budaya ilmiah yang baru, yang wujud di Eropah sejak dua abad sebelumnya. Iaitu ketika Descrates menulis perkataanya yang terkenal dalam *Method* seperti berikut:

“Adalah perkara yang mungkin untuk dapat mencapai ilmu yang dapat diterapkan dan memberi manfaat dalam kehidupan, di mana sekolah-sekolah hendaknya meninggalkan falsafah *scholasticism*, dan mengajarkan falsafah yang dapat diterapkan dan yang dapat memberi jalan kepada kita untuk dapat memanfaatkan dari apa yang kita ketahui tentang pengaruh api, udara, planet-planet, langit dan semua benda yang mengelilingi kita, berdasarkan atas hukum-hukumnya, untuk keperluan kita sehingga dengan demikian kita dapat memiliki alam dan menguasainya.”¹⁸³

Perkataan ini, menurut Malik Bennabi, betul-betul telah meramalkan tentang terjadinya revolusi ilmu dan teknologi setelah Descartes, dan yang dengan demikian “metode Descartes adalah yang menciptakan, secara umum, persekitaran intelektual yang baru, yang darinya lahir kepakaran-kepakaran reformatif yang merupakan ciri khas peradaban moden”¹⁸⁴

Menurut Muhammad al-Ghazzali (1917-1996), metode induksi, penelitian dan eksperimen seperti yang dinyatakan oleh Descartes di atas adalah seratus pertus metode al-Qur'an. Muhammad al-Ghazzali mengkritik dan menyalahkan para ahli falsafah Islam yang telah menghabiskan banyak tenaga dan masa untuk menterjemahkan dan mempelajari falsafah Greek dan logik Aristoteles. Menurutnya, falsafah Greek dengan logik Aristotels mengembangkan metode

¹⁸³ *Ibid.*, h. 37-38.

¹⁸⁴ *Ibid.*, h. 39.

deduksi; metode yang jumud dan yang tidak dapat membawa kepada penemuan baru, metode yang hanya berguna untuk menyusun pengetahuan-pengetahuan yang sedia ada dan bukan untuk menghasilkan dan menemukan pengetahuan-pengetahuan yang baru.¹⁸⁵ al-Qur'an banyak memberi contoh metode berfikir secara induksi dan empirik yang memfokuskan pada penelitian secara dalam dan terus-menerus terhadap suatu objek dan fenomena alam untuk mendapatkan kaedah-kaedah atau hukum-hukum tertentu. Dalam al-Qur'an proses ini dimulakan dengan penelitian terhadap bahagian-bahagian dari alam raya ini:

فَلَا يَنْظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ...

“Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi...”

Terjemahan Surah: Yunus (10): 101.

al-Qur'an seterusnya menyuruh manusia untuk mengkaji elemen atau kandungan dan proses penciptaan sesuatu objek:

أَفَلَا يَنْتَظِرُونَ إِلَى الْأَيَّلِ كَيْفَ خُلِقَتْ، وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ،
وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ تُصْبَيْتْ، وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ...

“Tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan? Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan binaannya? Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan? ...”

Terjemahan Surah: al-Ghāshiyah (88): 17-20.

al-Qur'an setelah itu, mengajar manusia untuk mengkaji dan menganalisis secara dalam tentang hubung-kait dan pengaruh suatu objek terhadap objek yang lain, seperti dalam fenomena dan sebab-musabab terjadinya hujan, al-Qur'an mengatakan:

¹⁸⁵ Muhammad al-Ghazali (1991), *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought, h. 113.

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدِي رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَفْتَتْ
سَحَابًا بِقَالَ سُقْنَاهُ لِيَلِدُ مَيِّتٍ فَأَنْزَلَنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ
الثَّمَرَاتِ كَذِلِكَ تُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

“Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (yaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halaukan dia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan...”

Terjemahan Surah: al-A‘rāf (7): 57.

Dari proses-proses inilah manusia dapat menyingkap kaedah-kaedah, hukum-hukum dan teori-teori tentang alam dan dapat memanfaatkannya untuk kepentingan dan kemajuan kehidupan.¹⁸⁶

Segala usaha ke arah perkembangan dan penemuan ilmu pengetahuan dan teknologi sangat berhubung-kait dengan persekitaran dan budaya yang berkembang. Tidak adanya perkembangan sains, terutamanya teknologi dalam masyarakat Islam selama ini, di antara sebabnya adalah kerana tidak adanya budaya dan persekitaran yang mendukung. Bahkan kerana persekitaran umum, yang sengaja diciptakan oleh penjajah, yang menentang kreativiti dan segala usaha ke arah pembangunan sains dan teknologi. Di Algeria umpamanya, seperti yang disebutkan oleh Malik Bennabi, pelajar teknik tidak diarahkan melainkan hanya untuk mempelajari teknik pertukangan kayu, sementara pelajar di Eropah diarahkan kepada berbagai-bagai bidang dalam teknik. Pengarahan seperti itu

¹⁸⁶ Usman Syihab (1998), “Al-Qur'an Mengajar Cara Guna Akal”, *Berita Harian*, 14 Ogos 1998.

bukan dengan tidak sengaja, tetapi merupakan akibat daripada budaya umum sistem pengajaran yang ada yang tidak bertujuan untuk menciptakan para pakar dalam teknologi atau para intelektual dalam negara, tetapi untuk melahirkan calon-calon borjuis muda yang membawa sijil-sijil mereka. Budaya sistem pengajaran yang sedemikian itu seterusnya, menurut Malik Bennabi, menjadikan pelajar-pelajar Algeria tidak ramai yang mengikuti aliran sains.¹⁸⁷

Teknologi sebagai unsur penting dalam menciptakan kedinamikan sebuah kebudayaan mesti mendapat ruang untuk dapat dikembangkan secara serius, dengan membuka jalan untuk mewujudkan persekitaran yang mendukung dan mengambil berbagai-bagai langkah positif yang dapat membina dan mengembangkan kemahiran dan kepakaran masing-masing individu dalam masyarakat. Masing-masing negara (di dunia Islam) mesti menyelesaikan persoalan ini dengan caranya sendiri yang sesuai, namun ia mesti mengarah kepada usaha yang sama iaitu penyiapan teknologi yang diperlukan untuk pembangunan peradaban.¹⁸⁸

1

¹⁸⁷ Malik Bennabi (1972), *Fī Mahabbi al-Ma'rakah Irhāṣāt al-Thaurah*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 40-41.

¹⁸⁸ Bennabi (1989), *al-Thaqāfah*, h. 112.